



Laporan Tahunan

Annual Report **2010**



Visi

Menjadikan JUPEM terbilang dalam perkhidmatan ukur dan pemetaan serta pengurusan data geospasial bagi memenuhi wawasan negara.

Misi

Menyediakan perkhidmatan ukur dan pemetaan serta pengurusan data geospasial yang berkualiti melalui sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten dan persekitaran kerja yang kondusif.

Moto

Pemacu Kesejahteraan Rakyat dan Pembangunan Negara



Isi Kandungan

| | |
|---|-----------|
| PERUTUSAN 2010 | 4 |
| MAKLUMAT KORPORAT | 7 |
| PENGURUSAN TERTINGGI | 8 |
| PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI | 10 |
| CARTA ORGANISASI JUPEM | 16 |
| LATAR BELAKANG ORGANISASI | 18 |
| Objektif | |
| Fungsi | |
| KUMPULAN PENGURUSAN JUPEM | 19 |
| Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan | |
| Pengurusan Pemetaan | |
| Pengurusan Kadaster | |
| Pengurusan Geospatial Pertahanan | 20 |
| TADBIR URUS KORPORAT | 21 |
| Piagam Pelanggan | |
| Kod Etika | 22 |
| Surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan | |
| Pengurusan Sumber Manusia | 23 |
| Kursus dan Latihan | 26 |
| Laman Web JUPEM Geoportal | 28 |
| PRESTASI 2010 | 29 |
| INFRASTRUKTUR GEODETIK | 30 |
| Ukuran Jaringan dan Kawalan GNSS | |
| MyRTKnet | 31 |
| Cerapan Air Pasang Surut | |
| Jaringan Ukur Aras | 32 |
| Ukuran Graviti | 33 |
| Astronomi | 34 |
| PERSEMPADANAN ANTARABANGSA | 35 |
| Persempadanan Darat Malaysia-Thailand | |
| Persempadanan Darat Malaysia-Indonesia | 36 |
| Persempadanan Maritim Malaysia-Indonesia | 37 |
| Persempadanan Maritim Malaysia-Singapura | 38 |

| | |
|---|-----------|
| PERSEMPADANAN NEGERI | 39 |
| PENERBITAN PETA | 40 |
| Penawanan Data | |
| Ukuran Titik Kawal | |
| Pangkalan Data | 41 |
| Ukuran Penyudahan Padang | 42 |
| Kartografi | |
| Percetakan | 43 |
| PEMETAAN UTILITI | 44 |
| PERKHIDMATAN PEMETAAN | 45 |
| UKUR KADASTER | 46 |
| Pengukuran Hak Milik Tanah | |
| Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen (JUBL) | 47 |
| Semakan Permohonan Hak Milik Strata | 49 |
| Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB) | 51 |
| GEO.SPATIAL PERTAHANAN | 52 |
| Memberi Bantuan Khidmat Geospatial Pertahanan Kepada ATM | |
| Penguatkuasaan Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat | 56 |
| PERANCANGAN 2011 | 59 |
| LAPORAN KEWANGAN | 67 |
| Pengurusan Kewangan | 68 |
| Belanja Mengurus | 69 |
| Belanja Pembangunan | 70 |
| Hasil | 71 |
| INOVASI & PENGIKTIRAFAN | 73 |
| ANUGERAH | 74 |
| RENTETAN PERISTIWA 2010 | 75 |
| AKTIVITI PUSPANITA JUPEM 2010 | 77 |
| CORETAN KHAS SEKITAR SAMBUTAN ULANG TAHUN KE 125 JUPEM | 80 |
| DIREKTORI JUPEM NEGERI | 87 |

Perutusan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia kepada semua warga JUPEM

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya JUPEM telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2010. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan laporan tahunan ini dalam usaha merekodkan segala pencapaian dan aktiviti Jabatan yang dijalankan sepanjang tahun 2010. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga JUPEM kerana telah berjaya mencapai objektif dan melaksanakan segala program yang disusun sepanjang tahun 2010 walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Tahun 2010 telah menyaksikan JUPEM melakarkan sejarah yang tersendiri dimana telah mencapai usia 125 tahun penubuhannya. Kita telah berjaya melangsungkan majlis meraikan sambutan 125 tahun JUPEM dan berbangga dengan kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia bagi merasmikan sambutan tersebut bersekali dengan pelancaran eKadaster, syiling peringatan JUPEM dan setem edisi khas sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun 125 JUPEM. Dalam tempoh usia tersebut, JUPEM merupakan salah satu agensi kerajaan yang boleh dianggap ke hadapan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan yang berlandaskan teknologi moden masa kini terutama dalam bidang teknologi maklumat. JUPEM telah merintis laluan menggunakan teknologi sistem maklumat di kalangan agensi dan jabatan kerajaan apabila ia mula menggunakan sistem pengiraan komputer elektronik pada tahun 1969 lagi. Usaha-usaha ini terus digiatkan sehinggalah dasar 'Kerajaan Elektronik' diperkenalkan oleh kerajaan.

Selain itu, kita juga boleh berbangga dengan kejayaan terbesar JUPEM dalam melaksanakan projek eKadaster. Melalui projek ini, kerja-kerja penyediaan dokumen hak milik tanah yang selama ini memakan masa selama 2 tahun dapat disiapkan dalam tempoh hanya 2 bulan, ia telah mendapat pengiktirafan daripada YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan harapan akan mampu memacu perancangan dan pembangunan negara dengan lebih bersistematik.

Seterusnya, JUPEM juga cemerlang dalam aspek pengurusan kewangan 2009 dan telah menerima Anugerah Kecemerlangan Akauntabiliti pada September 2010. Berdasarkan indeks akauntabiliti yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara 2009 pada 25 Oktober 2010, JUPEM berada dalam kalangan empat jabatan kerajaan terbaik yang memperolehi markah melebihi 90% dan layak menjadi salah sebuah jabatan kerajaan yang cemerlang dalam

pengurusan kewangan. Pucuk pangkalnya, kejayaan ini melambangkan warga JUPEM mempunyai tahap akauntabiliti, disiplin dan integriti yang tinggi sebagai penjawat awam demi mewujudkan tadbir urus pengurusan kewangan yang baik. Pencapaian berprestasi tinggi ini diharapkan akan dapat dipertahankan pada tahun-tahun yang mendatang.

Oleh itu, untuk mengekalkan JUPEM sebagai sebuah organisasi yang berprestasi tinggi kita juga memerlukan kakitangan yang lebih berdisiplin dan kompetitif, bersedia untuk meningkatkan prestasi serta bersedia untuk menyumbang melangkaui sasaran, spesifikasi dan deskripsi tugas serta masa yang telah ditetapkan supaya dapat memberi perkhidmatan yang bermutu, efisien dan responsif terhadap keperluan pelanggan.

“

Tahun 2010 telah menyaksikan JUPEM melakarkan sejarah yang tersendiri dimana telah mencapai usia 125 tahun penubuhannya. Kita telah berjaya melangsungkan majlis meraikan sambutan 125 tahun JUPEM dan berbangga dengan kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia bagi merasmikan sambutan tersebut bersekali dengan pelancaran eKadaster, syiling peringatan JUPEM dan setem edisi khas sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun 125 JUPEM. Dalam tempoh usia tersebut, JUPEM merupakan salah satu agensi kerajaan yang boleh dianggap ke hadapan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan yang berlandaskan teknologi moden masa kini terutama dalam bidang teknologi maklumat.

”

Dari aspek hubungan luar pula, Jabatan telah memainkan peranan penting dalam The 17th Divisional Meeting United Nation Group of Expert on Geographical Names (UNGEGN) bagi rantau Asia South East and Pacific South West (ASEPSW), yang telah diadakan di Sydney, Australia di mana Malaysia telah dipilih sebagai pengerusi baru bagi UNGEGN ASEPSW, bagi tempoh 2010 hingga 2015. Mesyuarat ini sangat penting bagi membincangkan dan berkongsi pengetahuan dalam penyeragaman nama-nama geografi, pembangunan pangkalan data nama-nama geografi, standard dan format bagi penukaran data toponimi serta aspek-aspek keperluan saintifik dan teknologi untuk manfaat bersama.

Dengan segala perancangan yang telah dilaksanakan berserta dengan perancangan jangka panjang yang telah diatur, saya berkeyakinan JUPEM berada dalam landasan yang tepat untuk terus berkembang seiring dengan hasrat kerajaan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Akhir kata, semoga tahun 2011 ini akan membawa JUPEM ke arah kejayaan yang penuh cemerlang, berinovatif dan berdaya saing serta akan terus unggul di dalam perkhidmatan awam.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassallamualaikum warahmatullah hi wabarakatuh.



(DATO' PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan





The background is a vibrant green with a complex, abstract design. It features a series of thin, white, wavy lines that create a sense of depth and movement, resembling a stylized wave or a digital signal. These lines are set against a backdrop of faint, light green circuit board patterns and geometric shapes, including circles and lines, which suggest a technological or industrial theme. The overall effect is clean, modern, and dynamic.

Maklumat **Korporat**

Pengurusan Tertinggi





- 1 **DATO' PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB, DSDK, SDK, KMN**
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
- 2 **SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN, JSM, KMN**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
- 3 **SR HASAN BIN JAMIL, AMN**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
- 4 **SR DR. TENG CHEE HUA, KMN**
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)
- 5 **DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA, DIMP, SMP**
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)
- 6 **BRIGEDIER JENERAL DATO' PAHLAWAN MIOR SAFIAN BIN SAIDIN,**
DPTS, PAT, PCM, KAT, KMN, ACM, PJM, PNBB (Iraq-Kuwait), UN Medal (UNIKOM)
Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP)

Profil Pengurusan Tertinggi



DATO' PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB,
DSDK, SDK, KMN
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib memegang Ijazah Doktor Falsafah Geomatik dari Universiti New South Wales Australia, Ijazah Sarjana Sains Fotogrametri, Diploma Lanjutan Fotogrametri ITC Netherlands, Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia, dilantik sebagai Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan pada 17 Jun 2009. Pernah bertugas sebagai Jurutera Fotogrametri, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Geodesi), Penolong Pengarah Ukur Topografi (Fotogrametri), Timbalan Pengarah Ukur Johor, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan), Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) dan Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan).

Pada 2 September 2002 beliau dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) seterusnya Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dari 20 Mac 2004 sehingga 16 Jun 2009. Beliau juga adalah Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia, Presiden JICA Alumni Society of Malaysia (MyJICA), Felo Royal Institute of Chartered Surveyors (RICK) U.K, Ahli Persatuan Alumni Universiti Teknologi Malaysia, Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Felo Pertubuhan Juruukur Malaysia dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.




SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN, JSM, KMN
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Sr Ahmad Fauzi bin Nordin memegang Ijazah Sarjana Geoinformatics dari Universiti Teknologi Malaysia, *Postgraduate Diploma in Geographical Information System (GIS)* daripada ITC, Netherlands dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan pada 17 Jun 2009 dan kini telah dikenali sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I.

Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur Daerah Kuala Kangsar, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Wilayah Utara), Timbalan Pengarah Ukur Kedah/Perlis, Penolong Pengarah Ukur Kadaster (RT), Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas) Pahang,

Timbalan Pengarah Ukur Perak, Pengarah Ukur Topografi Sarawak, Timbalan Pengarah Ukur Topografi 1 Topografi Semenanjung, Pengarah Ukur W.P Kuala Lumpur, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Hak Milik), Pengarah Ukur Selangor, Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik). Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) pada 2 September 2002 dan sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) pada 5 April 2004. Beliau juga adalah Timbalan Pengerusi Lembaga Juruukur Berlesen Semenanjung Malaysia, Pengerusi Bahagian Geomatik dan Ukur Tanah, Pertubuhan Juruukur Malaysia dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.



SR HASAN BIN JAMIL, AMN
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan
Pemetaan II

Sr Hasan bin Jamil, memegang Ijazah Sarjana *Geographical Information System (GIS)* dari Universiti of Edinburgh, United Kingdom dan Sarjana Muda Ukur Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II pada 16 November 2010. Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur di Jabatan Ukur Terengganu, Penolong Pengarah Ukur Kelantan, Juruukur Daerah Kelantan Selatan Macang, Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah, Pengarah Ukur Topografi Sabah, Penolong Pengarah Ukur Kadaster, Pengarah Ukur Pulau Pinang, Pengarah Ukur W.P. Kuala Lumpur, Pengarah Ukur Selangor, Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik), Pengarah Ukur Seksyen (Ehwal Persempadanan), Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Kuala Lumpur dan Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan). Beliau adalah juga sebagai Felo Pertubuhan Juruukur Malaysia dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.



SR DR. TENG CHEE HUA, KMN
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Sr Dr. Teng Chee Hua memegang Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Newcastle Upon Tyne United Kingdom, Ijazah Sarjana (Kejuruteraan Ukur) di University of New Brunswick, Canada, Postgraduate *Diploma in Photogrammetry (Distinction)* dari ITC, Netherlands dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) pada 8 Disember 2010.

Beliau pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah Ukur Topografi Wilayah Barat, Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah, Pengurus CALS, Johor, Timbalan Pengarah Ukur Johor, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perundangan Kadaster), Pengarah Ukur (Geodesi) dan Pengarah Ukur (Penyelarasan & Dasar Kadaster). Beliau adalah juga seorang Juruukur Tanah Bertauliah.



DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA, DIMP, SMP
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)

YBhg. Dato' Sr Mohd Noor bin Isa memegang Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia dan telah dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) pada 16 November 2010. Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur Latihan (Jabatan Ukur Perak), Juruukur Daerah Perak Utara, Penolong Pengarah Ukur Pahang, Juruukur Daerah Pahang Barat, Juruukur Urusetia Unit Khas, Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan & Pembangunan), Ketua Penolong Pengarah Ukur (Latihan) dan Ketua Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Pembangunan).

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Ukur (Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan), Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang dan seterusnya Pengarah Ukur Topografi (Sabah) dari 1 Februari 2010 sehingga 15 November 2010. Beliau juga adalah seorang Juruukur Tanah Bertauliah.




BRIGEDIER JENERAL DATO' PAHLAWAN MIOR SAFIAN BIN SAIDIN, DPTS, PAT, PCM, KAT, KMN, ACM, PJM, PNBB (Iraq-Kuwait), UN Medal (UNIKOM)
Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP)

YBhg. Brig Jen Dato' Pahlawan Mior Safian Bin Saidin telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP) mulai 1 Disember 2007. Sebelum memegang jawatan Pengarah BGSP beliau adalah Pengarah Cawangan Pemetaan Pertahanan(CPP) sejak 2005 sehinggalah CPP distruktur semula menjadi BGSP. Beliau telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Askar Jurutera DiRaja pada 15 Mei 1975. Beliau memegang Diploma Lanjutan Pegawai Jurutera dari US Army Engineer School USA, beliau

adalah juga lulusan Maktab Turus dan Maktab Pertahanan ATM. Beliau telah berkhidmat sebagai Staf dan Pemerintah di pelbagai pasukan Jurutera dan juga di formasi ATM serta mempunyai pengalaman berkhidmat di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Pegawai Pemerhati Tentera PBB semasa konflik Iraq-Kuwait pada tahun 2002-2003.

Carta Organisasi



Nota : JUPEM mempunyai jawatan Kader di Jabatan Kerja Raya (JKR), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Sumber Asli (NRE), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).



KETUA PENGARAH
UKUR DAN PEMETAAN



TIMBALAN KETUA
PENGARAH
UKUR DAN PEMETAAN II



BAHAGIAN
GEOSPATIAL PERTAHANAN

SEKSYEN
PEMBANGUNAN GEOSPATIAL

SEKSYEN
PEMBANGUNAN MAKLUMAT

SEKSYEN
OPERASI DAN LATIHAN

CAWANGAN TADBIR

SEKSYEN
PERUNDANGAN

SEKSYEN
PENYELARASAN
DAN DASAR KADASTER

SEKSYEN NAZIRAN/
JURUUKUR BERLESEN



BAHAGIAN KADASTER

JABATAN UKUR DAN
PEMETAAN NEGERI

- PERAK
- PAHANG
- JOHOR
- SELANGOR
- KELANTAN
- KEDAH
- P. PINANG
- W.P. K.LUMPUR/
PUTRAJAYA
- N. SEMBILAN
- TERENGGANU
- PERLIS
- MELAKA
- W.P. LABUAN

Latar Belakang **Organisasi**

JUPEM merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang diketuai oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan merangkap Pengarah Pemetaan Tentera. Ia dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Bahagian Pemetaan, Bahagian Kadaster dan Bahagian Geospasial Pertahanan di bawah Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II dan Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan.

OBJEKTIF

Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster dan pemetaan menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan;

Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang kemaskini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan prasarana data geospasial negara;

Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan; dan

Memastikan penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan pentadbiran negeri serta menjamin kedaulatan negara.

FUNGSI

Menasihati kerajaan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan serta persempadanan negeri dan antarabangsa;

Menyediakan maklumat ukur kadaster secara lengkap dan kekal untuk tujuan pengeluaran hak milik tanah, strata dan stratum;

Menguruskan pangkalan data ukur kadaster dan pemetaan dengan efisien;

Menerbitkan peta-peta topografi, kadaster, tematik dan utiliti untuk tujuan perancangan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan alam sekitar, pembangunan, pemantauan dan keselamatan;

Menentu, menanda, mengukur dan menyenggara sempadan-sempadan negeri dan antarabangsa demi menjaga kedaulatan negara; dan

Menyediakan prasarana geodetik bagi ukuran kadaster, pemetaan, kejuruteraan dan kajian saintifik.



Kumpulan Pengurusan JUPEM

PEJABAT KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

Pengarah Ukur (Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan)

Sr Haji Ramli bin Nor
mulai 2 Februari 2010

Sr Ahamad bin Zakaria
sehingga 31 Januari 2010

Pengarah (Pentadbiran dan Perkhidmatan)

Ja'apar bin Wahab, DNS, DSM, JSD, KMN, PBM

Pengarah Ukur (Perancangan Gunatenaga)

Sr Engku Mohd Adlin bin Engku Habib

Pengarah (Pembangunan Sistem)

Ahmad Kamil bin Hassan Rabein

Penasihat Undang-Undang

Kosong

PENGURUSAN PEMETAAN

Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan)

Sr Tan Ah Bah, AMN

Pengarah Ukur (Penawanan Data)

Sr Haji Mohamad Kamali bin Adimin

Pengarah Ukur Topografi Sabah

Dato' Sr Mohd Noor bin Isa, DIMP, SMP
sehingga 15 November 2010

Sr Zakaria bin Saat
sehingga 31 Januari 2010

Pengarah Ukur (Kartografi)

Sr Haji Ali bin Ahmad, ANS

Pengarah Ukur Topografi Sarawak

Sr Sohaime bin Rasidi
mulai 1 Februari 2010

Sr Haji Ramli bin Nor
sehingga 31 Januari 2010

Pengarah Ukur Topografi Semenanjung

Sr John Elvis Koh, SIS, PPT
mulai 2 Februari 2010

Sr Sohaime bin Rasidi
sehingga 31 Januari 2010

Pengarah Ukur (Perkhidmatan Pemetaan)

Sr Ng Eng Guan

Pengarah Ukur (Geodesi)

Sr Dr. Azhari bin Mohamed, PJK

Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Labuan

Sr Che Mohamad Bakri bin Omar, ADK

Pengarah Ukur (Pemetaan Utiliti)

Sr Zoher bin Nomanbhoy

Pengarah Ukur (Pangkalan Data)

Sr Mohd Latif bin Zainal

Pengarah (Percetakan Peta)

Haji Muhammat Puzi bin Ahmat, KSD

PENGURUSAN KADASTER

Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya

Md. Zaki bin Ad. Wahid

Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak

Sr Mohamed Azhari bin Mohamed Zainudin, KMN
sehingga 23 September 2010

Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan

Sr Haji Mohamed bin Yunus, KMN, AMN
sehingga 13 November 2010

Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang

Sr Ahamad bin Zakaria
mulai 1 Februari 2010

Dato' Sr Mohd Noor bin Isa, DIMP, SMP
sehingga 31 Januari 2010

Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor

Sr Junaimee bin Dahlan

Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor

Sr Zakaria bin Saat
mulai 1 Februari 2010

Sr John Elvis Koh, SIS, PPT
sehingga 31 Januari 2010

Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan

Sr Haji Abd Rahman bin Mohd Don, BKT

Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang

Haji Mohd. Salehan bin Ngadiman

Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu

Sr Haji Hamdani bin Haji Sadiman

Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah

Sr Haji Mohammad Yunus bin Md Yusof, PPT

Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis

Kamil bin Ariffin

Pengarah Ukur dan Pemetaan Melaka

Wan Zahari bin Wan Nilam, AAP

Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Dasar Kadaster)

Sr Dr. Teng Chee Hua

sehingga 7 Disember 2010

Pengarah Ukur (Perundangan Kadaster)

Sr Jasni bin A. Rahman

Pengarah Ukur Seksyen (Naziran / Juruukur Berlesen)

Sr Padzillah bin Che Ros, BKT, AMN

sehingga 18 Oktober 2010

PENGURUSAN GEOSPATIAL PERTAHANAN

Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan

Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mior Safian bin Saidin, PCM, KAT, KMN

Pengarah Seksyen Pembangunan Geospasial


Kol Sr Dr. Mohd Zambri bin Mohamad Rabab

Pengarah Seksyen Pembangunan Maklumat

Lt Kol Sr Arifin bin Abdul Rahman

Pengarah Seksyen Operasi dan Latihan

Lt Kol Sr Muhamad Nadzir bin Hj. Mat Isin



Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang efektif akan memastikan kredibiliti jabatan sentiasa berada pada satu tahap yang lebih tinggi. Elemen-elemen yang penting dalam tadbir urus korporat akan melibatkan pematuhan kepada peraturan, pekeliling, integriti, pengurusan sumber manusia yang cekap dan usaha memberi nilai tambah terhadap meningkatkan sistem penyampaian jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

| | |
|----|---|
| 1 | Memastikan data-data ukur dapat diakses dan diperolehi melalui <i>e-commerce</i> pada bila-bila masa. |
| 2 | Memastikan sebarang permohonan perkhidmatan / pembelian bagi setiap salinan data ukur / peta tidak terhad di Kaunter JUPEM dapat diuruskan dalam masa 1 jam. |
| 3 | Memastikan dokumen geospasial terperingkat dibekalkan dalam masa 2 hari selepas menerima kelulusan tapisan keselamatan. |
| 4 | Memastikan data pasca proses MyRTKNet dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 4 jam. |
| 5 | Memastikan sebarang permohonan pembelian maklumat geomatik tidak terhad dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 1 hari. |
| 6 | Memastikan sebarang permohonan perkhidmatan transformasi koordinat, penukaran koordinat, unjuran peta dan interpolasi geoid dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 1 hari. |
| 7 | Menyedia serta membekalkan data-data ukur untuk penyediaan suratan hak milik ke Pejabat Tanah / Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dalam tempoh 7 hari dari penerimaan permohonan yang sempurna dan teratur. |
| 8 | Memastikan pengeluaran nombor-nombor lot dilakukan dalam tempoh tidak melebihi 7 hari dari tarikh permohonan yang lengkap dan teratur daripada Jurukur Tanah Berlesen. |
| 9 | Memproses Pelan Strata dalam tempoh 30 hari dan Pelan Akui Strata dalam tempoh 50 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan teratur. |
| 10 | Memastikan penyemakan ke atas kerja-kerja Jurukur Tanah Berlesen disiapkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh penyerahan dokumen yang lengkap dan teratur. |
| 11 | Menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui dalam tempoh tidak melebihi 60 hari dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur yang lengkap dan teratur. |
| 12 | Membuat pembayaran bil dan invois tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan lengkap diterima. |

KOD ETIKA

JUPEM akan terus meningkatkan amalan tadbir urus korporat demi memastikan setiap pegawai JUPEM dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada orang awam. JUPEM telah mematuhi setiap kod etika yang telah ditetapkan dan amalan-amalan yang baik demi menjaga reputasi korporat JUPEM. Kod etika dirancang bagi menyokong wawasan dan hala tuju jabatan yang dirangka untuk menanam, menghayati dan mempertahankan kewibawaan dalam perlakuan dan amalan warga kerja jabatan. Kod Etika JUPEM merangkumi perkara-perkara berikut:

Amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan;

Sentiasa sabar, tenang dan cekal dalam semua situasi;

Benar, tulus dan ikhlas dalam menjalankan sebarang urusan;

Berdisiplin dan berhemah tinggi;

Yakin, tepat, adil dan konsisten dalam membuat keputusan;

Sentiasa mengamalkan ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti;

Menjalinkan semangat kerjasama, muhibah dan kasih sayang di semua peringkat;

Berbangga menjadi warga JUPEM dan sentiasa berusaha meninggikan martabat dan imej jabatan;

Memberi perkhidmatan yang efisien dan berkualiti;

Berusaha memastikan produk-produk jabatan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan;

Sentiasa berwaspada dalam pengendalian maklumat tanpa membocori rahsia negara kepada pihak yang tidak berhak menerimanya.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

Dalam mencapai tadbir urus korporat yang sempurna, setiap perubahan dan pengesahan semua polisi dan garis panduan yang berkaitan dengan bidang ukur serta pengesahan dokumentasi yang berhubungkait dengan produk dan perkhidmatan baharu yang dikuatkuasakan akan dimaklumkan kepada warga JUPEM melalui Surat Pekeliling.

Dalam tahun 2010, satu (1) surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan telah dikeluarkan seperti yang berikut:

1-2010 **Isu-Isu Pengukuran Dalam Persekitaran eKadaster dan Kaedah Penyelesaiannya**

Surat Pekeliling KPUP Bil. 1 Tahun 2010 telah dikeluarkan untuk memaklumkan terdapat 5 situasi kawasan pengukuran menyukarkan JUPEM Negeri dan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) dalam kerja pengukuran di lapangan disamping dapat membantu kerja pengukuran dalam persekitaran eKadaster.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

Mengikut Waran Perjawatan JUPEM Tahun 2010, JUPEM mempunyai jumlah perjawatan yang diluluskan sebanyak 5,109 jawatan berbanding perjawatan JUPEM tahun 2009 iaitu sebanyak 5,108 jawatan.


Pertambahan jawatan pada tahun 2010 adalah disebabkan pewujudan jawatan Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II (TKPUP II), Juruukur Gred Utama JUSA 'C'/VU7 di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 April 2010 melalui Waran Perjawatan Bil. E39 Tahun 2010. Oleh yang demikian, struktur organisasi jabatan ini telah diselaraskan dengan pewujudan jawatan TKPUP II tersebut dan penguatkuasaan pelaksanaannya melalui surat bil. JUPEM 18/1/1.05 Jld. 2 (30) bertarikh 22 Jun 2010. Selain daripada itu, pindaan gelaran jawatan bagi Ketua Seksyen di Ibu Pejabat JUPEM kepada Pengarah Ukur / Pengarah Seksyen juga telah dibuat.

| SEKSYEN | GELARAN ASAL JAWATAN | GELARAN BARU JAWATAN |
|-----------------------------|------------------------------|-----------------------|
| Perundangan Kadaster | Ketua Penolong Pengarah Ukur | Pengarah Ukur Seksyen |
| Naziran / Juruukur Berlesen | Ketua Penolong Pengarah Ukur | Pengarah Ukur Seksyen |
| Pangkalan Data | Ketua Penolong Pengarah Ukur | Pengarah Ukur Seksyen |
| Perancangan Gunatenaga | Ketua Penolong Pengarah Ukur | Pengarah Ukur Seksyen |
| Percetakan Peta | Ketua Penolong Pengarah | Pengarah Seksyen |
| Pembangunan Sistem | Ketua Penolong Pengarah | Pengarah Seksyen |
| Pembangunan Maklumat (BGSP) | Ketua Penolong Pengarah | Pengarah Seksyen |
| Operasi dan Latihan (BGSP) | Ketua Penolong Pengarah | Pengarah Seksyen |

Sehingga 31 Disember 2010, daripada jumlah 5,109 jawatan, sebanyak 4,998 jawatan telah diisi seperti berikut :

| KUMPULAN | GREED | LULUS | ISI | KOSONG |
|--------------------------|-----------------------------|--------------|--------------|------------|
| PENGURUSAN & PROFESIONAL | GREED UTAMA (JUSA A, B & C) | 6 | 6 | - |
| | GREED 54 | 21 | 17 | 4 |
| | GREED 48-52 | 66 | 60 | 6 |
| | GREED 41-44 | 198 | 182 | 16 |
| SOKONGAN I | GREED 27-38 | 597 | 583 | 14 |
| | GREED 17-26 | 1,748 | 1,717 | 31 |
| SOKONGAN II | GREED 1-16 | 2,473 | 2,433 | 40 |
| JUMLAH | | 5,109 | 4,998 | 111 |

Pecahan Perjawatan JUPEM Tahun 2010



JUPEM mempunyai 93 perjawatan Kader di pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Jumlah keseluruhan Jawatan KADER JUPEM adalah seperti berikut;

| KUMPULAN | LULUS | ISI | KOSONG |
|--------------------------|-----------|-----------|----------|
| PENGURUSAN & PROFESIONAL | 60 | 59 | 1 |
| SOKONGAN | 33 | 32 | 1 |
| JUMLAH | 93 | 91 | 2 |

Perjawatan Kader Kumpulan Pengurusan dan Profesional

| Jawatan | Gred | Lulus | Isi | Kosong |
|---------------------------|------|-----------|-----------|----------|
| Juruukur | J52 | 4 | 4 | - |
| Juruukur | J48 | 9 | 9 | - |
| Juruukur | J44 | 13 | 13 | - |
| Juruukur | J41 | 33 | 32 | 1 |
| Juruukur / Jurukartografi | J41 | 1 | 1 | - |
| JUMLAH | | 60 | 59 | 1 |

Perjawatan Kader Kumpulan Sokongan I

| Jawatan | Gred | Lulus | Isi | Kosong |
|-------------------|---------------|-----------|-----------|----------|
| Penolong Juruukur | J38 | 1 | 1 | - |
| Penolong Juruukur | J36 | 5 | 5 | - |
| Penolong Juruukur | J29/J36 (KUP) | 21 | 21 | - |
| Juruteknik Ukur | J17/J22 (KUP) | 6 | 5 | 1 |
| JUMLAH | | 33 | 32 | 1 |

Kenaikan Pangkat

Sepanjang tahun 2010, urusan pemangkuan/kenaikan pangkat telah dilakukan yang melibatkan 470 orang pegawai yang terdiri daripada 28 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I melibatkan 171 orang manakala Kumpulan Sokongan II pula sejumlah 271 orang terlibat.

Lembaga Kenaikan Pangkat: Kumpulan Pengurusan & Profesional

| Skim Perkhidmatan | Kenaikan Pangkat/ Pemangkuan ke Gred | Kenaikan Pangkat | Pemangkuan | Jumlah |
|-------------------------|---|---------------------|------------|-----------|
| Juruukur Gred J54 | JUSA C | - | 2 | 2 |
| Juruukur Gred J54 (KUP) | JUSA C | 1 | - | 1 |
| Juruukur Gred J52 | J54 | 1 | - | 1 |
| Juruukur Gred J48 | J52 | 2 | - | 2 |
| Juruukur Gred J44 | J48 | 4 | 3 | 7 |
| Juruukur Gred J41 | J44 | 15 | - | 15 |
| JUMLAH | | | | 28 |


Lembaga Kenaikan Pangkat: Kumpulan Sokongan I

| Skim Perkhidmatan | Kenaikan Pangkat/ Pemangkuan ke Gred | Kenaikan Pangkat | Pemangkuan | Jumlah |
|---|---|---------------------|------------|------------|
| Penolong Juruukur, J36 | J38 | 2 | 1 | 3 |
| Penolong Juruukur, J29 | J36 | - | 9 | 9 |
| Penolong Juruukur, J29 (KUP) | J36 | 3 | - | 3 |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, F29 | F32 | 1 | - | 1 |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, F29 (KUP) | F32 | 2 | - | 2 |
| Juruteknik Ukur, J22 | J26 | 7 | 3 | 10 |
| Juruteknik Ukur, J17 | J22 | - | 17 | 17 |
| Juruteknik Ukur, J17 (KUP) | J22 | 109 | - | 109 |
| Pembantu Tadbir (P/O), N17 | N22 | 1 | - | 1 |
| Pembantu Tadbir (P/O), N17(KUP) | N22 | 5 | - | 5 |
| Pembantu Tadbir (Kewangan), W17 (KUP) | W22 | 1 | - | 1 |
| Setiausaha Pejabat, N22 | N28 | 7 | - | 7 |
| Pembantu Tadbir (Stor), N17 (KUP) | N22 | 2 | - | 2 |
| Pembantu Penerbitan, N17 (KUP) | N22 | 1 | - | 1 |
| JUMLAH | | | | 171 |

Lembaga Kenaikan Pangkat: Kumpulan Sokongan II

| Skim Perkhidmatan | Kenaikan Pangkat / Pemangkuan ke Gred | Kenaikan Pangkat | Jumlah |
|---------------------------------|--|---------------------|------------|
| Pegawal Keselamatan, KP11 (KUP) | KP14 | 2 | 2 |
| Pembantu Am Pejabat, N1 (KUP) | N4 | 3 | 3 |
| Pemandu Kenderaan, R3 (KUP) | R6 | 7 | 7 |
| Pekerja Awam, R1 (KUP) | R4 | 259 | 259 |
| JUMLAH | | | 271 |

Pecahan Kenaikan Pangkat Pegawai bagi Tahun 2010



Persaraan

Sepanjang tahun 2010 seramai 88 kakitangan daripada pelbagai gred telah bersara yang meliputi persaraan wajib, persaraan pilihan, persaraan atas sebab kesihatan dan mati dalam perkhidmatan. Data keseluruhan persaraan adalah seperti berikut:

Bersara Wajib

| BIL | GRED JAWATAN | JUMLAH |
|---------------------------|--------------|-----------|
| 1 | JUSA B | 1 |
| 2 | JUSA C | 1 |
| 3 | J36 | 1 |
| 4 | J29 | 1 |
| 5 | J26 | 5 |
| 6 | J22 | 1 |
| 7 | J17 | 5 |
| 8 | N17 | 1 |
| 9 | N14 | 1 |
| 10 | N4 | 1 |
| 11 | R6 | 1 |
| 12 | R4 | 18 |
| 13 | R3 | 1 |
| 14 | R1 | 6 |
| 15 | S17 | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 45 |

Bersara Pilihan

| BIL | GRED JAWATAN | JUMLAH |
|---------------------------|--------------|-----------|
| 1 | J54 | 1 |
| 2 | J52 | 1 |
| 3 | J48 | 3 |
| 4 | J41 | 4 |
| 5 | J36 | 4 |
| 6 | J29 | 1 |
| 7 | J22 | 1 |
| 8 | J17 | 1 |
| 9 | N32 | 1 |
| 10 | N22 | 1 |
| 11 | N17 | 5 |
| 12 | N14 | 1 |
| 13 | N4 | 1 |
| 14 | R4 | 2 |
| 15 | R1 | 4 |
| 16 | W22 | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 32 |


Persaraan Atas Sebab Kesihatan

| BIL | GRED JAWATAN | NEGERI / SEKSYEN | JUMLAH |
|---------------------------|--------------|--------------------------------------|----------|
| 1 | R3 | Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 1 |

Mati Dalam Perkhidmatan

| BIL | GRED JAWATAN | NEGERI / SEKSYEN | JUMLAH |
|---------------------------|--------------|--|-----------|
| 1 | J48 | JUPEM Selangor | 1 |
| 2 | J22 | Percetakan Peta, Geodesi, JUPEM Negeri Sembilan dan JUPEM Perlis | 4 |
| 3 | N17 | Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan dan JUPEM Negeri Sembilan | 2 |
| 4 | R4 | JUPEM Kelantan | 1 |
| 5 | R1 | Seksyen Pemetaan Utiliti dan JUPEM Melaka | 2 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 10 |

Pecahan Jenis Persaraan JUPEM Tahun 2010




KURSUS DAN LATIHAN

Latihan yang berterusan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan JUPEM. Peluang seluas-luasnya telah diberikan kepada setiap kakitangan untuk mengikuti latihan baik di peringkat akademik mahu pun latihan dalam perkhidmatan yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran bersesuaian dengan pemodenan jabatan dan perubahan persekitaran. Melalui kaedah ini, JUPEM dapat melahirkan tenaga pakar dan mahir dari kalangan kakitangan sendiri untuk mengendalikan dan menguruskan maklumat geospasial dan juga dalam bidang pengurusan yang lain.

Bilangan Kakitangan Yang Melanjutkan Pelajaran Bagi Tahun 2010

| Bil | Tahap Akademik | Sedang Berkursus | | Tamat Kursus | | Jumlah |
|---------------------------|----------------|------------------|--------------|--------------|--------------|-----------|
| | | Separuh Masa | Sepenuh Masa | Separuh Masa | Sepenuh Masa | |
| 1 | Kedoktoran | - | 2 | 1 | - | 3 |
| 2 | Sarjana | 2 | 8 | - | - | 10 |
| 3 | Sarjana Muda | 13 | 5 | - | 1 | 19 |
| 4 | Diploma | 21 | - | - | 12 | 33 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | | 65 |


Pecahan Tahap Kursus Tahun 2010



Bilangan Kakitangan Yang Menghadiri Kursus/Latihan Bagi Tahun 2010

| Bil | Bidang Kursus | Kehadiran (Bilangan) | | | | Jumlah |
|---------------------------|--|----------------------|-------------|--------------|-------------|--------------|
| | | JUSA | P&P | SOKONGAN I | SOKONGAN II | |
| 1 | Kursus Wajib (Induksi Umum & Induksi Khusus) | - | 23 | 77 | 122 | 222 |
| 2 | Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) | - | 15 | 12 | - | 27 |
| 3 | Kursus Kenegaraan | - | 1 | 51 | 23 | 75 |
| 4 | Pengurusan Ukur dan Pemetaan | 3 | 769 | 1741 | 1341 | 3854 |
| 5 | Pengurusan Sumber Manusia | - | 487 | 2849 | 2443 | 5779 |
| 6 | Pengurusan Kewangan | - | 94 | 606 | 415 | 1115 |
| 7 | Kualiti dan Produktiviti | - | 196 | 1001 | 386 | 1583 |
| 8 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) | - | 45 | 194 | - | 239 |
| 9 | Pembangunan Kendiri | - | 338 | 4658 | 1952 | 6948 |
| 10 | Bahasa dan Komunikasi | - | 3 | 37 | 5 | 45 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 3 | 1971 | 11226 | 6687 | 19707 |

Pecahan Kehadiran Kursus Tahunan 2010



LAMAN WEB JUPEM GEOPORTAL

Laman web www.jupem.gov.my yang sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa merupakan medium penting yang menghubungkan JUPEM dengan pelanggan-pelanggannya. JUPEM Geoportal merupakan satu langkah ke hadapan bagi memastikan urus tadbir korporat JUPEM lebih efisien dan sentiasa memenuhi kehendak pelanggan. Melalui portal, JUPEM dapat memenuhi hasrat negara dengan menyediakan pelbagai maklumat geospasial JUPEM secara berpusat bagi tujuan berikut:

- Menyediakan sistem pengurusan dan penyebaran maklumat geospasial secara dalam talian;
- Merealisasikan konsep e-kerajaan dan transaksi penyebaran maklumat secara e-Dagang; dan
- Menyediakan kemudahan *back up* dalam talian.



The background is a vibrant blue gradient. On the left side, there are several wavy, ribbon-like structures composed of many thin, parallel lines that curve and flow downwards. The right side features a faint, light blue grid pattern. In the bottom right corner, there are stylized circuit board traces and circular components, suggesting a technological or digital theme.

Prestasi 2010

Insfrastruktur Geodetik




Ukuran Jaringan dan Kawalan GNSS

Kaedah pengukuran menggunakan Sistem Navigasi Satelit Global atau GNSS (*Global Navigation Satellite System*) adalah kaedah yang efisien dan terkini untuk mendapatkan kedudukan sesuatu titik di permukaan bumi. Kaedah yang menggunakan rujukan silang pada satelit ini telah mula digunakan di JUPEM semenjak awal 1990-an lagi. Dengan perkembangan teknologi dan pemodenan sistem GNSS yang sedia ada, prestasi dan kualiti kerja pengukuran dapat dipertingkatkan.

Antara aktiviti pengukuran yang melibatkan GNSS pada tahun 2010 ialah:

| BIL | PERKARA | STESEN |
|---------------|---|------------|
| i. | Cerapan GNSS ke atas <i>First Order Gravity Point</i> | 100 |
| ii. | Cerapan GNSS untuk tanda rujukan MyRTKnet | 45 |
| iii. | Cerapan GNSS untuk semakan GDM2000 (2009) | 100 |
| iv. | Cerapan GNSS untuk <i>GPS Levelling</i> | 50 |
| v. | Cerapan GNSS untuk <i>Active Fault Study, Ranau</i> | 38 |
| vi. | Cerapan GNSS bagi projek <i>Height Modernization System (HMS)</i> | 467 |
| vii. | Cerapan GNSS bagi kegunaan BGSP | 4 |
| JUMLAH | | 804 |

Prestasi pencapaian untuk tempoh lima tahun bagi aktiviti pengukuran yang melibatkan GNSS seperti berikut :




Pencapaian aktiviti pengukuran GNSS sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| SKT 2009 (stesen) | PENCAPAIAN 2009 (stesen) | SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) |
|-------------------|--------------------------|-------------------|--------------------------|
| 500 | 529 (106%) | 800 | 804 (101%) |

MyRTKnet

Teknologi *Global Navigation Satellite System (GNSS)* telah mula diperkenalkan di JUPEM semenjak tahun 1989. Selari dengan perkembangan terkini sistem tersebut, JUPEM telah melancarkan infrastruktur yang terbaru iaitu sistem MyRTKnet (*Malaysian Real Time Kinematic Network*). Kaedah pengukuran menggunakan *Real Time Kinematic* adalah inovasi terkini dalam penentuan kedudukan relatif sesuatu titik. Dengan jumlah stesen sebanyak 78 buah yang merangkumi 50 stesen di Semenanjung dan masing-masing 14 stesen di Sabah dan Sarawak, sistem termaju ini mampu memberikan hasil kerja pengukuran yang tepat dan jitu.



Pencapaian aktiviti MyRTKnet sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| BIL | AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|------|---|------------------|-------------------------|
| i. | Pengoperasian dan Penyelenggaraan Stesen MyRTKnet | 156 kali | 156 kali (100%) |
| ii. | Pengurusan Data GPS Stesen MyRTKnet | 628,617 jam data | 628,617 jam data (100%) |
| iii. | Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Harian | 26,192 set data | 26,192 set data(100%) |
| iv. | Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Mingguan & Tahunan | 3,732 set data | 3,732 set data (100%) |

Cerapan Air Pasang Surut

Pengoperasian 21 stesen tolok air pasang surut (STAPS) yang meliputi 12 buah stesen di Semenanjung, 5 di Sabah, 1 di W.P. Labuan dan 3 di Sarawak bertujuan untuk mendapatkan bacaan nilai aras purata laut yang akan digunakan sebagai datum tegak yang jitu. Nilai ini akan digunakan sebagai rujukan asas kerja-kerja pengukuran aras yang akan dijalankan.

Pencapaian aktiviti cerapan air pasang surut sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:



| LOKASI | JUMLAH STESEN | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|-------------|---------------|----------|----------------|
| Semenanjung | 12 | 144 set | 144 set (100%) |
| Sabah | 6 | 72 set | 72 set (100%) |
| Sarawak | 3 | 36 set | 36 set (100%) |

Data-data yang diperolehi akan diproses dan akan diterbitkan dalam bentuk buku iaitu Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut dan juga Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut. Buku-buku yang diterbitkan ini merangkumi data-data bagi keseluruhan 21 buah stesen tolok air pasang surut dan menjadi rujukan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta serta mana-mana badan yang bertaraf antarabangsa.

| PENCAPAIAN/ JENIS PENERBITAN | BUKU REKOD CERAPAN AIR PASANG SURUT | BUKU JADUAL RAMALAN AIR PASANG SURUT |
|---------------------------------|--|---|
| SKT 2009 (buku) | 1 | 1 |
| Pencapaian 2009 (buku) | 1 (100%) | 1 (100%) |
| SKT 2010 (buku) | 1 | 1 |
| Pencapaian 2010 (buku) | 1 (100%) | 1 (100%) |

Sehingga 31 Disember 2010, penerbitan Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut untuk tahun 2009 bagi 21 stesen STAPS di seluruh Malaysia telah disiapkan sepenuhnya. Manakala Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut bagi tahun 2012 juga telah disiapkan 100% bagi 22 stesen STAPS termasuk stesen baru di Pulau Lakei, Sarawak.

Jaringan Ukur Aras

Pengukuran aras dijalankan bagi mendapatkan nilai ketinggian sesuatu titik di atas permukaan bumi. JUPEM telah menjalankan dua jenis ukuran aras iaitu Ukuran Aras Jitu dan Ukuran Aras Kelas Kedua. Pengukuran dan pemrosesan data ukuran aras ini meliputi kerja-kerja yang dijalankan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Pencapaian kerja-kerja ukuran aras sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :



| AKTIVITI | PENCAPAIAN (sehingga 31 Disember 2010) |
|---|--|
| Ukuran Aras Jitu | 592 stesen |
| Ukuran Aras Kelas Kedua | 205 stesen |
| Pemrosesan Data Ukuran Aras Jitu | 221 stesen |
| Pemrosesan Data Ukuran Aras Kelas Kedua | 201 stesen |


Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu bagi tempoh lima tahun terakhir:

| TAHUN | UKURAN ARAS JITU (stesen) | PROSESAN ARAS JITU (stesen) |
|-------|---------------------------|-----------------------------|
| 2010 | 592 | 221 |
| 2009 | 1,134 | 1,407 |
| 2008 | 852 | 921 |
| 2007 | 904 | 1,247 |
| 2006 | 1,689 | 2,336 |

Pencapaian SKT aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu sehingga 31 Disember 2010 :

| UKURAN ARAS JITU | | PROSESAN ARAS JITU | |
|-------------------|--------------------------|--------------------|--------------------------|
| SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) | SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) |
| 450 | 592 (132%) | 100 | 221 (221%) |

Pencapaian Aktiviti Ukuran Aras Jitu dalam tempoh 5 tahun (2006 - 2010)




Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras kelas kedua bagi tempoh lima tahun terakhir :

| TAHUN | UKURAN ARAS KELAS KEDUA (stesen) | PROSESAN ARAS KELAS KEDUA (stesen) |
|-------|----------------------------------|------------------------------------|
| 2010 | 205 | 201 |
| 2009 | 1,205 | 1,369 |
| 2008 | 890 | 974 |
| 2007 | 1,127 | 1,059 |
| 2006 | 1,536 | 1,530 |

Pencapaian SKT aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu sehingga 31 Disember 2010 :

| UKURAN ARAS KELAS KEDUA | | PROSESAN ARAS KELAS KEDUA | |
|-------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------------|
| SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) | SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) |
| 100 | 205 (205%) | 100 | 201 (201%) |

Pencapaian Aktiviti Ukuran Aras Kelas Kedua bagi tempoh 5 tahun (2006 - 2010) :



Ukuran Graviti

Pengukuran graviti di Malaysia telah dijalankan semenjak tahun 1970-an. Di Malaysia, JUPEM telah memainkan peranan utama dalam menjalankan pengukuran graviti dengan tujuan mendapatkan pembetulan ketinggian ortometrik. Ketinggian ortometrik ini akan digunakan sebagai rujukan bagi kerja-kerja pemetaan, kejuruteraan, penyelidikan saintifik dan sebagainya.

Sebagai memenuhi sasaran kerja tahunan 2010 yang telah ditetapkan, ukuran graviti tertib pertama telah dilaksanakan dengan membuat ukuran ulangan ke atas stesen-stesen graviti tertib pertama yang sedia ada. Stesen-stesen yang telah musnah atau hilang telah digantikan dengan stesen baru disamping penubuhan stesen-stesen baru yang dibuat dalam sela 30-40km setiap satu.



Pencapaian tahunan pengukuran graviti tertib pertama sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| SKT 2009 (stesen) | PENCAPAIAN 2009 (stesen) | SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) |
|-------------------|--------------------------|-------------------|--------------------------|
| 180 | 188 (104%) | 100 | 105 (105%) |

Selain daripada itu, Ukuran Graviti Tertib Ketiga bagi projek *Height Modernization System (HMS)* telah dijalankan merangkumi kawasan Kuala Langat, Sepang, Nilai, Seremban dan Port Dickson dengan sela antara stesen sejauh 1 km. Sebanyak 503 buah stesen graviti Tertib Ketiga telah dicerap. Ini merupakan projek kajian khas lanjutan dari Projek HMS Lembah Kelang pada tahun 2008 bertujuan menghasilkan model geoid yang berkejituan tinggi.

| SKT 2010 (stesen) | PENCAPAIAN 2010 (stesen) |
|-------------------|--------------------------|
| 500 | 503 (101%) |

Nota : Tiada SKT dan Pencapaian bagi tahun 2009 kerana ia merupakan projek kajian lanjutan khas dari projek HMS Lembah Kelang tahun 2008.

Astronomi



JUPEM merupakan sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam bidang astronomi khususnya dalam penyediaan data mengenai rukyah dan hilal. Dengan menganggotai Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Negeri-negeri, JUPEM telah memainkan peranannya dengan memberikan perkhidmatan kepada orang awam. Antara perkhidmatan yang dijalankan oleh JUPEM adalah penyediaan kalendar Islam, penentuan arah kiblat, cerapan rukyah dan hilal bagi penentuan tarikh-tarikh penting di dalam Islam seperti penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Pencapaian aktiviti berkaitan astronomi sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| BIL | AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|------|--|-----------|-----------------|
| i. | Pengiraan Astronomi Rukyah dan Hilal | 29 stesen | 29 stesen 100%) |
| ii. | Cerapan Hilal di Balai Cerap Teluk Kemang bagi tujuan Kajian Semula Kriteria-kriteria Imkanur Rukyah | 9 kali | 9 kali (100%) |
| iii. | Cerapan Kajian Cerahan Langit | 6 kali | 6 kali(100%) |

Untuk tahun 2010, penyediaan data untuk penentuan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah bagi tahun 1431 Hijri telah dijalankan di 29 stesen cerapan hilal termasuk satu stesen baru di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*.

Persempadanan Antarabangsa

Persempadanan Darat Malaysia-Thailand

Penandaan, Pengukuran dan Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand ini telah dilaksanakan secara bersama dengan *Royal Thai Survey Department (RTSD)*. Pada masa ini aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di bawah projek ini adalah Ukuran Pelbagai Berkaitan Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand iaitu Ukuran Siasatan, Tanam Pastian dan Penyelenggaraan Sempadan Bersama Antarabangsa Malaysia - Thailand.

Pencapaian aktiviti ini sehingga 31 Disember 2010 dan cadangan SKT 2011 adalah seperti berikut :

- a) Ukuran Pelbagai Berkaitan Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand
 - i. Ukuran Siasatan, Tanam Pastian dan Penyelenggaraan Sempadan Bersama Antarabangsa Malaysia - Thailand



Pencapaian bagi aktiviti sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| BIL | AKTIVITI | SKT 2010 (km) | PENCAPAIAN (%) |
|-----|--|---------------|----------------|
| i. | Ukuran Siasatan, Tanam Pastian dan Penyelenggaraan Kawasan Keutamaan XIIB (BP37-BP43A / Pedu-Yaha) | 32.8 | 32.8 km (100%) |
| a. | Seksyen B | 3.4 | 3.4 km (100%) |
| b. | Seksyen E | 7.2 | 7.2 km (100%) |
| c. | Seksyen F | 7.1 | 7.1 km (100%) |
| d. | Seksyen G | 7.6 | 7.6 km (100%) |
| e. | Seksyen H | 7.5 | 7.5 km (100%) |

- b) Ukuran Semakan dan Pengesahan untuk Pembangunan Infrastruktur (Projek Pembinaan Pagar dan Jalan Keselamatan) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Pencapaian bagi aktiviti sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| BIL | AKTIVITI | SKT 2010 (km) | PENCAPAIAN (%) |
|-----|--|---------------|----------------|
| i. | Penjajaran Pagar (Kawasan Keutamaan IX B) (BP29/196-BP31/23) (Durian Burung, Kedah) (1.6 km sudah disiapkan pada tahun 2009) | 3.1 | 3.1 km (100%) |

Sementara itu, Mesyuarat-mesyuarat persempadanan darat antarabangsa di antara Malaysia dan Thailand, melibatkan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan (JTC) dan Jawatankuasa Sempadan Bersama (LBC) di tangguh atas permintaan pihak Thailand kerana pihak berkenaan perlu menunggu kelulusan Parlimen Negara tersebut bagi penganjuran mana-mana perbincangan dua hala dengan negara luar mengikut Perlembagaan baru Thailand.

Persempadanan Darat Malaysia-Indonesia

Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sarawak) – Indonesia (Kalimantan Barat) telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sempadan Bersama Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT) ke – 39 yang telah diadakan di Indonesia pada 12 Januari 2010 bagi menjalankan ukuran siasatan, tanam pastian dan penyelenggaraan bagi kawasan keutamaan XIX (U - V) dari tanda sempadan V800 – V900 pada jarak 8.2 km untuk program tahun 2010. Susulan dari itu, Pasukan Ukur Bersama telah selesai menjalankan ukuran siasatan, tanam pastian dan penyelenggaraan sejauh 8.2 km pada 29 November 2010.



Mesyuarat ke 45 Pengarah-Pengarah Projek Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Indonesia (Kalimantan Barat) – Malaysia (Sarawak) di Bandung Jawa Barat Indonesia pada 3 – 5 Ogos 2010 telah bersetuju untuk menjalankan kerja Tinjauan Bersama (*Visual Investigation*) serentak dengan projek IRM 2010 bagi kawasan keutamaan VII (H – I) dari H600 – H710 dan H781 – 1001 dengan jarak 24.5 km. Susulan dari itu, Pasukan Ukur Bersama telah selesai menjalankan Tinjauan Bersama (*Visual Investigation*) dengan jarak 24.5 km pada 16 November 2010 yang lalu.

Pencapaian bagi aktiviti sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| AKTIVITI | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|---|----------|-----------------|----------|-----------------|
| Siasatan, Tanam Pastian & Penyelenggaraan | 30.3 km | 4.0 km (13.2 %) | 8.2 km | 8.2 km (100%) |
| <i>Joint Visual Investigation Survey (JVIS)</i> | - | - | - | 24.5 km (100%) |

Nota : Tiada SKT bagi kerja pengukuran JVIS kerana kerja pengukuran hanya dipersetujui untuk dijalankan dalam Mesyuarat ke 45 Pengarah-Pengarah Projek Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Indonesia (Kalimantan Barat) - Malaysia (Sarawak) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia pada 3 hingga 5 Ogos 2010.

Manakala Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sabah) – Indonesia (Kalimantan Timur) iaitu SKT tahun 2010 untuk sektor Sabah – Kalimantan Timur bagi kawasan Keutamaan III (C – D), Sub Sektor C 800 – D 001 (21.6 km), bagi *Joint Visual Investigation Survey (JVIS)* sahaja merujuk kepada saranan Jawatankuasa Teknikal Bersama (IMT – 39) yang bermesyuarat di Manado, Sulawesi Utara, Indonesia pada 11 – 13 Januari 2010.

Pencapaian bagi aktiviti sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| AKTIVITI | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|---|----------|-----------------|----------|-----------------|
| <i>Joint Visual Investigation Survey (JVIS)</i> | 30.5 km | 8.9 km (29%) | 21.6 km | 21.6 km (100%) |

Persempadanan Maritim Malaysia-Indonesia

Mesyuarat Penentuan Persempadanan Maritim antara Malaysia dan Indonesia telah dilaksanakan mengikut perancangan, di mana JUPEM telah menyediakan ahli kepada Jawatankuasa Teknikal bagi Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia-Indonesia yang telah diwujudkan pada Mac 2005 dan diketuai oleh Kementerian Luar Negeri. Di samping itu, satu Kumpulan Kerja Teknikal yang diketuai oleh Pengarah Ukur Seksyen (Ehwal Persempadanan) telah ditubuhkan di bawah jawatankuasa tersebut bagi membincangkan isu-isu teknikal berkaitan perbatasan sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia. Di antara mesyuarat-mesyuarat berkaitan penentuan persempadanan maritim antara Malaysia dan Indonesia yang telah dihadiri oleh jabatan semenjak penubuhan jawatankuasa adalah seperti berikut :

| BIL | PERBINCANGAN | TARIKH |
|-----|---|----------------------|
| 1 | Mesyuarat Teknikal Pertama Mengenai <i>Maritime Boundaries Delimitation Between Republic of Indonesia and Malaysia</i> di Bali, Indonesia | 22-23 Mac 2005 |
| 2 | Mesyuarat Teknikal Ke-2 Mengenai <i>Maritime Boundaries Delimitation Between Republic of Indonesia and Malaysia</i> di Langkawi, Malaysia | 25-26 Mei 2005 |
| 3 | Mesyuarat Teknikal Ke-3 Mengenai <i>Maritime Boundaries Delimitation Between Republic of Indonesia and Malaysia</i> di Yogyakarta, Indonesia | 25-26 Julai 2005 |
| 4 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pertama Mengenai <i>The Delimitation of the Maritime Boundary Between Malaysia and Republic of Indonesia</i> di Johor Bahru, Malaysia | 26 September 2005 |
| 5 | Mesyuarat Teknikal Ke-4 Mengenai <i>Maritime Boundaries Delimitation Between Malaysia and Republic of Indonesia</i> di Johor Bahru, Malaysia | 27-28 September 2005 |
| 6 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Ke-2 Mengenai <i>The Delimitation of the Maritime Boundary Between Republic of Indonesia and Malaysia</i> di Surakarta, Indonesia | 27 November 2005 |
| 7 | Mesyuarat Teknikal Ke-5 Mengenai <i>Maritime Boundaries Delimitation Between Republic of Indonesia and Malaysia</i> di Surakarta, Indonesia | 28-30 November 2005 |
| 8 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Ke-3 dan Mesyuarat Teknikal Ke-6 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Indonesia di Port Dickson, Malaysia | 6-8 Februari 2006 |
| 9 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Ke-4 dan Mesyuarat Teknikal Ke-7 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Indonesia dan Malaysia di Bandung, Indonesia | 17-18 April 2006 |
| 10 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Ke-5 dan Mesyuarat Teknikal Ke-8 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Indonesia di Kuantan, Pahang | 12-13 Julai 2006 |
| 11 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Ke-6 dan Mesyuarat Teknikal Ke-9 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Indonesia di Palembang, Sumatera, Indonesia | 1-3 November 2006 |
| 12 | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Ke-7 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Indonesia di Pulau Pinang | 26 Februari 2007 |
| 13 | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-13 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia di Balikpapan, Indonesia | 26 Mei 2008 |
| 14 | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-14 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia di Kota Kinabalu, Sabah | 13-14 Ogos 2009 |
| 15 | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-15 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia di Bali, Indonesia | 14-15 Oktober 2009 |
| 16 | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-16 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia di Kuantan, Pahang | 12-15 Oktober 2010 |
| 17 | Informal Discussion Technical Working Group (TWG) on <i>Delimitation of the Maritime Boundaries between Malaysia and Republic of Indonesia</i> di Bandung, Indonesia | 22 November 2010 |
| 18 | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-17 Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Republik Indonesia dan Malaysia di Bandung, Indonesia | 23-24 November 2010 |

Persempadanan Maritim Malaysia-Singapura



Kerja-Kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura telah dijalankan sebagai persiapan awal terhadap kerja-kerja penentuan persempadanan maritim di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. JUPEM juga terlibat dengan kerja-kerja berkenaan dan telah menghantar enam (6) orang pegawai mengikuti *Workshop on Maritime Boundary Delimitation* yang telah diadakan pada 4 Oktober hingga 7 Oktober 2010 di IDFR, Wisma Putra, Kuala Lumpur. Manakala memorandum Persefahaman (MoU) mengenai *Scope of Works (SoW)* berhubung Ukuran Hidrografi bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca dan Batuan Tengah telah ditandatangani pada 30 November 2010.

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak enam (6) mesyuarat persediaan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-Kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan telah diadakan seperti berikut :

| BIL | MESYUARAT/PERBINCANGAN | TARIKH |
|-----|--|------------------|
| 1 | Mesyuarat Persediaan Bagi Mesyuarat Ke-5 Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Wisma JUPEM, Kuala Lumpur | 19 Februari 2010 |
| 2 | Mesyuarat Persediaan Bagi Mesyuarat Ke-6 Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Wisma JUPEM, Kuala Lumpur | 24 Mac 2010 |
| 3 | Mesyuarat persediaan bagi Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Kuala Lumpur | 10 Mei 2010 |
| 4 | Mesyuarat persediaan bagi Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Kuala Lumpur | 13 Julai 2010 |
| 5 | Mesyuarat persediaan bagi Mesyuarat Ke-9 Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Kuala Lumpur | 25 Julai 2010 |
| 6 | Mesyuarat persediaan bagi Mesyuarat Ke-9 Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-kerja Ukuran Bersama Malaysia-Singapura di sekitar Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Kuala Lumpur | 18 November 2010 |



Kerja-kerja Ukuran Bersama sempadanan perairan tersebut telah dipersetujui susulan dari keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008, berkenaan kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang melibatkan Malaysia-Singapura.

Persempadanan Negeri



Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama antara Negeri Johor dan Melaka telah dijalankan bermula pada April 2009. Keseluruhan jarak sempadan bersama antara kedua-dua negeri tersebut adalah sejauh 86.6 km dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada tahun 2010.

Pencapaian aktiviti penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri Johor dan Melaka sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| KAWASAN UKURAN | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|--|----------|-----------------|----------|-----------------|
| Kawasan Keutamaan I Lubuk Kedondong-Kg Bekoh (16 km) | 16 km | 6 km | 0 km | 11.4 km(114%) |
| Kawasan Keutamaan II Kuala Sg Kesang-Lesong Tumpat (30 km) | - | - | 30 km | 31.4 km(105%) |
| Kawasan Keutamaan III Kg. Bekoh- L/R Utara-Selatan(14 km) | 14 km | 5.5 km | 8.5 km | 13.0 km(153%) |
| Kawasan Keutamaan IV L/R Utara-Selatan(18 km) | 10 km | 7.1 km | 10.9 km | 12.2 km(112%) |
| Pencapaian Keseluruhan | 40 km | 18.6 km (47%) | 59.4 km | 68.0km (114%) |

Penerbitan Peta



Sebagai agensi yang terlibat secara langsung dengan penerbitan dan pengeluaran produk-produk pemetaan seperti peta topografi, fotografi udara dan sebagainya, beberapa aktiviti melibatkan pengukuran dan pemrosesan data dilakukan sebelum sesuatu peta dihasilkan. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan kerja-kerja pengutipan data di padang dan memproses data ukuran.

Penawanan Data

Aktiviti-aktiviti penawaran data oleh JUPEM melibatkan kerja-kerja seperti fotografi udara dan penyediaan cetak lekak, pemilihan titik kawal, penyediaan dataset penyudahan padang dan penyediaan peta ortofoto. Selain daripada itu, aktiviti penawaran data juga melibatkan kerja-kerja penyediaan data ortorektifikasi imej satelit dan juga penyediaan data bagi pihak Angkatan Tentera Malaysia, pengguna awam dan lain-lain jabatan dan agensi.

Pencapaian aktiviti penawaran data sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| AKTIVITI | SKT 2009 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2009 (LEMBAR) | SKT 2010 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2010 (LEMBAR) |
|--|-------------------|--------------------------|-------------------|--------------------------|
| Fotografi Udara dan Penyediaan Cetak Lekak | 124 | 131 (106%) | 62 | 62 (100%) |
| Pemilihan Titik Kawal | 144 | 145 (101%) | 82 | 71 (87%) |
| Penyediaan Dataset Penyudahan Padang | 130 | 125 (96%) | 117 | 113 (97%) |
| Penyediaan Peta Ortofoto | 90 | 84 (93%) | 114 | 116 (102%) |
| Penyediaan Data Ortorektifikasi Imej Satelit | 35 | 18 (51%) | 34 | 12 (35%) |
| Penyediaan Data Bagi Pihak Angkatan Tentera Malaysia, Pengguna Awam dan Lain-lain Jabatan / Agensi | 70 | 59 (84%) | 70 | 59 (84%) |
| Penyediaan Peta Pulau-Pulau | - | - | 4 | 1 (25%) |

Ukuran Titik Kawal

Ukuran titik kawal dijalankan untuk mendapatkan maklumat koordinat planimetri dan ketinggian titik kawal yang akan digunakan sebagai kawalan model pada alat pemplot stereo. Ukuran titik kawal penting dalam kerja-kerja pengukuran fotogrammetri di mana pelarasan penyegitigaan udara dapat dilakukan.



Pencapaian aktiviti ukuran titik kawal sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| SIRI PETA | SKT 2009 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2009 (LEMBAR) | SKT 2010 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2010 (LEMBAR) |
|---------------|----------------------|-----------------------------|----------------------|-----------------------------|
| L 808 | 20 | 8 | 9 | 9 (100%) |
| MY501T | 11 | 1 | 31 | 23 (74%) |
| MY511T | 37 | 27 | 16 | 4 (25%) |
| MY701T | - | 5 | 9 | 18 (200%) |
| MY711T | 32 | 61 | 10 | 10 (100%) |
| MY901U | 32 | 43 | 7 | 7 (100%) |
| JUMLAH | 132 | 145 (110%) | 82 | 71 (87%) |

Pengurangan jumlah ukuran titik kawal pada tahun 2010 adalah disebabkan penggunaan kaedah *Direct Georeferencing System (DGRS)* ke atas lembar-lembar peta.

Pangkalan Data

Melalui pemodenan sistem pemetaan, produk-produk berbentuk digital seperti peta topografi berdigit, model ketinggian berdigit (DEM) dan juga peta ortofoto telah berjaya dihasilkan. Produk-produk digital ini telah diterbitkan dalam pelbagai skala iaitu 1 : 50,000, 1 : 25,000, dan 1 : 3,000 - 1 : 12,000.

Pada tahun 2002, sistem Pangkalan Data Berorientasi Objek (*Object Oriented Database Technology*) telah digunakan bagi menggantikan perisian *GINIS* yang tidak lagi sesuai berikutan penggunaan aplikasi GIS yang semakin meluas. Dengan menggunakan perisian *GOTHIC LAMPS2*, kerja-kerja yang melibatkan aplikasi GIS dapat dijalankan dengan mudah. Data-data yang sebelum ini berasaskan kepada sistem *GINIS*, telah dimigrasikan ke sistem *GOTHIC* melalui proses suntingan dan semakan.



Pencapaian aktiviti pangkalan data sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| AKTIVITI | SKT 2009 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2009 (LEMBAR) | SKT 2010 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2010 (LEMBAR) |
|--|----------------------|-----------------------------|----------------------|-----------------------------|
| Penyediaan Pangkalan Data Skala 1:50,000 | 50 | 57 (114%) | 100 | 93 (93%) |
| Penyediaan Pangkalan Data Skala 1:25,000 | 100 | 106 (106%) | 300 | 291 (97%) |
| Penyediaan Pangkalan Data Skala 1:5,000 & 1:10,000 | 50 | 56 (112%) | 66 | 66 (100%) |
| Migrasi ke Pangkalan Data GOTHIC | 132 | 132 (100%) | 107 | 107 (100%) |
| Penyediaan Dataset bagi Pemetaan Ulangan Terhad | 65 | 65 (100%) | 65 | 117 (180%) |

Ukuran Penyudahan Padang

Aktiviti ini dijalankan bertujuan mengemaskini maklumat topografi pada sesebuah lembar peta. Kerja-kerja mengemaskini melibatkan pelbagai siri peta iaitu MY501T, MY701T, L808, MY511T dan MY711T.



Pencapaian aktiviti kartografi sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| SIRI PETA | SKT 2009 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2009 (LEMBAR) | SKT 2010 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2010 (LEMBAR) |
|------------------|-------------------|--------------------------|-------------------|--------------------------|
| L 808 | 15 | 10 (67%) | 16 | 8 (50%) |
| MY501T | 24 | 15 (63%) | 35 | 19 (54%) |
| MY511T (Sabah) | 12 | 11 (92%) | 12 | 7 (58%) |
| MY511T (Sarawak) | 9 | 3 (33%) | 9 | 5 (55%) |
| MY701T | 19 | 39 (205%) | 18 | 39 (217%) |
| MY711T (Sabah) | 26 | 28 (108%) | 17 | 22 (129%) |
| MY711T (Sarawak) | 25 | 18 (72%) | 10 | 13 (130%) |
| JUMLAH | 130 | 125 (96%) | 117 | 113 (97%) |

Kartografi

Aktiviti kartografi melibatkan kerja-kerja seperti suntingan kartografi, penerbitan peta topografi, penyediaan pangkalan data tematik dan penerbitan peta tematik. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan bagi pengemaskinian Pangkalan Data Kartografi.

Pencapaian aktiviti kartografi sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| AKTIVITI | SKT 2009 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2009 (LEMBAR) | SKT 2010 (LEMBAR) | PENCAPAIAN 2010 (LEMBAR) |
|--|-------------------|--------------------------|-------------------|--------------------------|
| Penyediaan Pruf Semak Peta Topografi Pelbagai Siri | 270 | 290 (107%) | 300 | 388 (129%) |
| Penyediaan Data Cetak Peta Topografi Pelbagai Siri | 250 | 286 (114%) | 300 | 300 (100%) |
| Penyediaan Pruf Semak Peta Tematik Pelbagai Siri | 42 | 47 (112%) | 45 | 69 (153%) |
| Penyediaan Data Cetak Peta Tematik Pelbagai Siri | 42 | 51 (121%) | 45 | 69 (153%) |
| Cetak Ulang | 18 | 28 (156%) | 18 | 18 (100%) |
| Penerbitan Peta Elektronik | 23 | 25 (109%) | 25 | 25 (100%) |
| Penerbitan Webmap | - | - | 1 | 1 (Kuala Lumpur) |

Percetakan

JUPEM menerbitkan pelbagai produk ukur dan pemetaan dalam bentuk digital dan salinan cetak. Antaranya ialah penerbitan peta-peta topografi, peta tematik, peta elektronik (*e-map*), Lot Kadaster Berdigit, Pelan Akui dan sebagainya. Kerja-kerja percetakan di JUPEM melibatkan 3 aktiviti utama iaitu aktiviti pencetakan, pracetak dan pascacetak. Selain daripada menerbitkan peta-peta bercetak, aktiviti percetakan juga melibatkan kerja-kerja merekabentuk, memproses dan mencetak pelbagai dokumen seperti watakah, dokumen keselamatan dan produk-produk bukan peta yang lain.

Pencapaian aktiviti percetakan sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| JENIS AKTIVITI | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|---------------------|----------|-----------------|----------|-----------------|
| Cetak Peta (lembar) | 340 | 333 (98%) | 372 | 377 (101%) |
| Cetak Bukan Peta | 150 | 184 (123%) | 150 | 187 (125%) |

Aktiviti pracetak melibatkan kerja-kerja reka bentuk dan susun atur sebagai persediaan bahan cetak serta penyediaan pruf dan plat cetak. Pencapaian aktiviti pracetak sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

| JENIS AKTIVITI | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|----------------------------|----------|-----------------|----------|-----------------|
| DTP (bil kerja) | 200 | 163 (82%) | 150 | 163 (109%) |
| Pruf dan Plat (bil keping) | 2,200 | 2,859 (130%) | - | - |
| Pruf (keping) | - | - | 340 | 440 (129%) |
| Plat (keping) | - | - | 2,200 | 2,730 (124%) |

Aktiviti pascacetak melibatkan kerja-kerja penyudahan selepas proses pencetakan dijalankan. Pencapaian aktiviti pascacetak sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| JENIS AKTIVITI | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|-------------------|----------|-----------------|----------|-----------------|
| Penjilidan (unit) | 30,000 | 61,798 (206%) | 50,000 | 173,858 (348%) |



Pemetaan Utiliti



Pemetaan utiliti adalah proses memperolehi dan mengenal pasti jenis pemasangan dan perkhidmatan kemudahan awam yang tertanam di bawah tanah dan menyediakan maklumat dan kedudukan utiliti dalam bentuk digital atau salinan cetak.

Maklumat kedudukan pemasangan utiliti yang lengkap dan tepat diperlukan bagi membantu mengurangkan dan mengelakkan berlakunya masalah gangguan perkhidmatan yang diakibatkan oleh kerosakan pemasangan utiliti semasa pelaksanaan kerja-kerja pengorekan. Ke kerapannya kerosakan ini juga menyebabkan kualiti hidup penduduk terjejas dan memberi impak negatif kepada ekonomi negara.

Pencapaian aktiviti pemetaan utiliti sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| BIL | AKTIVITI (SKT 2010) | PENCAPAIAN 2010 |
|------|--|---|
| i. | Perolehan Data dan Maklumat Utiliti (Data utiliti daripada Telekom Malaysia, IWK, Gas Malaysia, TNB dan Syabas) | 100% Data kawasan Ampang Jaya, Selayang, Kuala Langat dan Kuala Lumpur |
| ii. | Pengisian Data Utiliti dan Data Peta Asas ke Pangkalan Data Utiliti Kebangsaan (Data utiliti yang diterima dimuatkan sepenuhnya ke dalam PADU) | 100% Data kawasan Ampang Jaya, Selayang Kuala Langat dan Kuala Lumpur |
| iii. | Pengesanan, Pengukuran dan Verifikasi Pemasangan Utiliti Bawah Tanah di Lapangan | 115% (Kerja ukuran melibatkan kawasan Putrajaya & Wangsa Maju berjarak 110 km) |
| iv. | Penyediaan Peta Asas Skala 1:500 | 100% (Suntingan dan pendigitalan mono butiran topografi dari ortofoto bagi Lembah Kelang melibatkan 550 lembar peta utiliti) |
| v. | Penerbitan Peta Utiliti | 106% (Membuat suntingan kartografi & penerbitan) |

Perkhidmatan Pemetaan

Terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Pusat Maklumat dan Jualan Data Geospasial Negara (PMJDGN), Stor Pusat Peta Negara dan Perpustakaan Peta Negara. Pusat Maklumat dan Jualan Data Geospasial Negara berperanan menguruskan perkhidmatan membekalkan serta menjual produk-produk pemetaan yang dihasilkan oleh JUPEM. Selain itu, PMJDGN juga berperanan membuat tapisan keselamatan bagi mana-mana permohonan untuk mendapatkan produk atau data yang berklasifikasi terhad.

Stor Pusat Peta Negara merupakan pusat penyimpanan peta-peta yang telah diterbitkan oleh JUPEM. Peta-peta ini akan disimpan secara pukal sebelum diedarkan kepada pihak-pihak tertentu seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pasukan keselamatan yang lain. Stor Pusat Peta Negara juga berfungsi membekalkan peta-peta yang dijual melalui Pusat Maklumat dan Jualan Data Geospasial Negara (PMJDGN).

Perpustakaan Peta Negara pula berperanan menyediakan sumber atau bahan rujukan dalam bidang ukur dan pemetaan, khususnya kepada kakitangan JUPEM dan kepada orang awam amnya. Perpustakaan Peta Negara menyediakan pelbagai koleksi buku, jurnal teknikal dan bahan-bahan terbitan lain yang berkaitan dengan ukur dan pemetaan khusus untuk rujukan kepada pengunjungnya. Bagi pengunjung-pengunjung yang ingin mendapatkan bahan-bahan rujukan berkaitan dengan ukur dan pemetaan, boleh mendapatkannya di alamat seperti berikut:

Perpustakaan Peta Negara
Tingkat 1, Bangunan Ukur JUPEM,
Jalan Semarak, 50578,
Kuala Lumpur

Pencapaian aktiviti sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut :

| AKTIVITI | SKT 2009 | PENCAPAIAN 2009 | SKT 2010 | PENCAPAIAN 2010 |
|--|----------|-----------------|----------|-----------------|
| Semakan Pruf (lembar) | 250 | 290 (116%) | 300 | 320 (106%) |
| Membuat Persediaan Mesyuarat (kali) | 12 | 17 (141%) | 14 | 16 (114%) |
| Memproses Permohonan Bahan Pemetaan, Lesen Hakcipta dan Permit Cetak Semula (permohonan) | 600 | 768 (128%) | 600 | 748 (125%) |
| Perkhidmatan Perpustakaan (perolehan peta, buku dll) (naskhah) | 5,200 | 7,800 (150%) | 5,500 | 6,426 (117%) |
| Pendokumentasian Koleksi Perpustakaan (jilid) | 1,500 | 2,163 (144%) | 2,000 | 2,009 (101%) |
| Pengedaran Bahan Terbitan JUPEM (naskhah) | 24,000 | 27,482 (114%) | 18,000 | 19,478 (108%) |
| Penerimaan Peta oleh Stor Pusat Peta (keping) | 500,000 | 655,004 (131%) | 500,000 | 550,600 (110%) |
| Pembekalan Peta oleh Stor Pusat Peta (keping) | 200,000 | 253,713 (127%) | 200,000 | 233,533 (117%) |



Ukur Kadaster

Aktiviti utama bahagian kadaster merangkumi Ukuran Hak Milik Tanah, Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen, Semakan Kerja Strata Peringkat 1, Semakan Kerja Strata Peringkat 2 dan Penyediaan Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB).



Pengukuran Hak Milik Tanah


Bagi tahun 2010, sejumlah 44,567 lot atau 71% daripada sasaran tahunan sebanyak 63,000 lot telah dapat disediakan seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Pencapaian Ukuran Hak Milik Tanah, 2010

| NEGERI | SKT 2010 (Lot) | PRESTASI 2010 | | BEBAN KERJA (Lot) |
|------------------------|-------------------|---------------|-----------|----------------------|
| | | (Lot) | % | |
| Selangor | 7200 | 5462 | 76 | 3814 |
| Johor | 9500 | 5778 | 61 | 5181 |
| Pulau Pinang | 2000 | 1539 | 77 | 1304 |
| Terengganu | 9000 | 7557 | 84 | 5599 |
| Pahang | 6000 | 4813 | 80 | 3901 |
| Kedah | 6000 | 4175 | 70 | 2630 |
| N.Sembilan | 2500 | 765 | 31 | 428 |
| W.P.K.Lumpur/Putrajaya | 1000 | 451 | 45 | 256 |
| Perak | 9000 | 5861 | 65 | 4565 |
| Kelantan | 6000 | 4322 | 72 | 3646 |
| W.P. Labuan | 300 | 320 | 107 | - |
| Perlis | 2000 | 1012 | 51 | 1389 |
| Melaka | 2500 | 2512 | 100 | 112 |
| JUMLAH | 63000 | 44567 | 71 | 32825 |

Carta 1 : Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja Untuk Pengukuran Hak Milik Tanah Bagi Tempoh Lima Tahun

| TAHUN | 2006 (Lot) | 2007 (Lot) | 2008 (Lot) | 2009 (Lot) | 2010 (Lot) |
|-------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Siap | 81600 | 83913 | 79486 | 63471 | 44567 |
| Beban Akhir Tahun | 63568 | 55743 | 51634 | 40601 | 32825 |



Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen (JUBL)




Bagi tahun 2010, sejumlah 140,440 lot atau 115% telah berjaya dicapai berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 122,600 lot seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Pencapaian Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen, 2010

| NEGERI | SKT 2010 (Lot) | PRESTASI 2010 | | BEBAN (Lot) |
|------------------------|-------------------|---------------|------------|----------------|
| | | (Lot) | % | |
| Selangor | 25000 | 25131 | 101 | 20514 |
| Johor | 19000 | 23428 | 123 | 8804 |
| Pulau Pinang | 6500 | 6783 | 104 | 461 |
| Terengganu | 6000 | 8786 | 146 | 1083 |
| Pahang | 8500 | 10284 | 121 | 680 |
| Kedah | 11000 | 11263 | 102 | 21 |
| N.Sembilan | 9000 | 6371 | 71 | 3320 |
| W.P.K.Lumpur/Putrajaya | 2000 | 2535 | 127 | 808 |
| Perak | 17000 | 23108 | 136 | 4186 |
| Kelantan | 7000 | 10603 | 151 | 346 |
| W.P. Labuan | 100 | 164 | 164 | - |
| Perlis | 1500 | 1530 | 102 | 724 |
| Melaka | 10000 | 10454 | 105 | 1617 |
| JUMLAH | 122600 | 140440 | 115 | 42564 |

Carta 2 : Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen Bagi Tempoh Lima Tahun

| TAHUN | 2006 (Lot) | 2007 (Lot) | 2008 (Lot) | 2009 (Lot) | 2010 (Lot) |
|-------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Siap | 211772 | 317752 | 272360 | 193070 | 140440 |
| Beban Akhir Tahun | 60804 | 51421 | 44148 | 25469 | 42564 |



Semakan Permohonan Hak Milik Strata

Proses semakan permohonan hak milik strata terbahagi kepada dua peringkat, iaitu Semakan Strata Peringkat 1 (Semakan Pelan Cadangan Strata) dan Semakan Strata Peringkat 2 (Semakan Pelan Akui dan Penyediaan Surat Hak milik). Menurut Piagam Pelanggan JUPEM, setiap permohonan yang diterima disiapkan dalam tempoh 30 hari bagi Peringkat 1 dan 50 hari bagi Peringkat 2.

Semakan Strata Peringkat 1


Jadual 4 menunjukkan pencapaian tahun 2010, Semakan Kerja Strata Peringkat 1, berjumlah 77,670 petak atau 121% daripada matlamat tahunan iaitu sebanyak 64,180 petak.

Jadual 4 : Pencapaian Semakan Strata Peringkat 1, 2010

| NEGERI | SKT 2010 (Petak) | PRESTASI 2010 | | BEBAN KERJA (Petak) |
|------------------------|---------------------|---------------|------------|------------------------|
| | | (Petak) | % | |
| Selangor | 20000 | 23465 | 117 | 8664 |
| Johor | 4000 | 8293 | 207 | 561 |
| Pulau Pinang | 15000 | 10379 | 69 | 3737 |
| Pahang | 500 | 621 | 124 | 304 |
| Kedah | 110 | 180 | 164 | 463 |
| N.Sembilan | 1500 | 631 | 42 | - |
| W.P.K.Lumpur/Putrajaya | 20000 | 30302 | 152 | 1818 |
| Perak | 1000 | 1168 | 117 | 525 |
| Kelantan | 570 | 751 | 132 | 293 |
| Melaka | 1500 | 1880 | 125 | 63 |
| JUMLAH | 64180 | 77670 | 121 | 16428 |

Carta 4 : Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja Semakan Strata Peringkat 1 Bagi Tempoh 5 Tahun

| TAHUN | 2006 (Petak) | 2007 (Petak) | 2008 (Petak) | 2009 (Petak) | 2010 (Petak) |
|-------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| Siap | 94505 | 72140 | 95002 | 81902 | 77670 |
| Beban Akhir Tahun | 15311 | 11401 | 23592 | 9666 | 16428 |



Semakan Strata Peringkat 2


Jadual 5 menunjukkan pencapaian tahun 2010, Semakan Kerja Strata Peringkat 2, berjumlah 87,381 petak atau 104% dari matlamat tahunan sebanyak 84,100 petak. Aktiviti Semakan Strata Peringkat 2 melibatkan Semakan Pelan Akui Strata dan Penyediaan Surat Hakmilik Strata.

Jadual 5 : Pencapaian Semakan Kerja Strata Peringkat 2, 2010

| NEGERI | SKT 2010 (Petak) | PRESTASI 2010 | | BEBAN KERJA (Petak) |
|------------------------|---------------------|---------------|------------|------------------------|
| | | (Petak) | % | |
| Selangor | 40000 | 40669 | 102 | 6439 |
| Johor | 8000 | 9252 | 116 | 922 |
| Pulau Pinang | 12000 | 10400 | 87 | 5599 |
| Terengganu | - | 15 | - | - |
| Pahang | 300 | 120 | 40 | 131 |
| Kedah | 300 | 185 | 62 | - |
| N.Sembilan | 2500 | 1013 | 41 | - |
| W.P.K.Lumpur/Putrajaya | 15000 | 18529 | 124 | 1638 |
| Perak | 3000 | 2654 | 88 | 442 |
| Kelantan | - | 616 | - | 135 |
| Melaka | 3000 | 3928 | 131 | - |
| JUMLAH | 84100 | 87381 | 104 | 15306 |


Carta 5 : Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja Semakan Kerja Strata Peringkat 2 Bagi Tempoh 5 Tahun

| TAHUN | 2006 (Petak) | 2007 (Petak) | 2008 (Petak) | 2009 (Petak) | 2010 (Petak) |
|-------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| Siap | 125446 | 184911 | 193767 | 205537 | 87381 |
| Beban Akhir Tahun | 11669 | 7481 | 12557 | 33923 | 15306 |





Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB)

Bagi tahun 2010, sejumlah 4,262,279 lot telah disediakan di Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB) melibatkan kemasukan data yang dihasilkan melalui kerja ukuran hak milik tanah dan semakan kerja Juruukur Tanah Berlesen. NDCDB merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam sistem eKadaster bagi menggantikan Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) dalam sistem SPDK.



Jadual 6 : Pencapaian Penyediaan NDCDB, 2010

| Negeri | Kelas Ketiga & Demarkasi | New PDUK | Jumlah Beza NDCDB | | Peratus NDCDB (%) |
|------------------------|--------------------------|----------------|-------------------|----------------|------------------------------------|
| | (A) | (B) | (C) | (B) - (C) | $\frac{(C) \times 100}{(A) + (B)}$ |
| Selangor | 33364 | 1163941 | 456330 | 707611 | 38 |
| Johor | 29035 | 1124367 | 689685 | 434682 | 60 |
| Pulau Pinang | 28 | 318412 | 250541 | 67871 | 79 |
| Terengganu | 26995 | 442072 | 271855 | 170217 | 58 |
| Pahang | 12555 | 527105 | 355955 | 171150 | 66 |
| Kedah | 10000 | 653577 | 422235 | 231342 | 64 |
| N.Sembilan | 3373 | 499107 | 360106 | 139001 | 72 |
| W.P.K.Lumpur/Putrajaya | 1630 | 344058 | 121662 | 222396 | 35 |
| Perak | 41665 | 929923 | 779076 | 150847 | 80 |
| Kelantan | 104528 | 631484 | 300128 | 331356 | 41 |
| W.P.Labuan | 0 | 13713 | 8214 | 5499 | 60 |
| Perlis | 6636 | 71344 | 49465 | 21879 | 63 |
| Melaka | 9965 | 291144 | 197027 | 94117 | 65 |
| JUMLAH | 279774 | 7010247 | 4262279 | 2747968 | 58 |



Geospasial Pertahanan

Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP) telah mengeluarkan Perancangan Strategik BGSP yang mempunyai dua strategi utama iaitu;

- i. Menyediakan perkhidmatan *Defence Geographic Information System (DGIS)* berasaskan *enterprise* dan mengembangkan sistem penyampaian bantuan khidmat geospasial ke unit dan formasi di medan tempur; dan
- ii. Memperkukuhkan dan menambahbaik perkhidmatan bantuan geospasial untuk diintegrasikan dalam persekitaran *Network Centric Warfare (NCW)* atau *Network Centric Operation (NCO)* sejajar dengan kepenggunaan dimensi ke-4 oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Bagi memenuhi dua (2) strategi ini, BGSP telah menggariskan Objektif Strategik yang terkandung di dalam pelaksanaan program *uGEO for Defence*. Program ini adalah satu perancangan jangka panjang BGSP yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Mewujudkan DGIS untuk ATM beroperasi sepenuhnya di 21 Markas Formasi di akhir Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK 10) pada tahun 2015 dan tambahan di 16 Briged di akhir Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK 11) pada tahun 2020.
- ii. Membuat Perolehan Sistem Geospasial Medan untuk kegunaan ATM yang akan beroperasi sepenuhnya di akhir RMK 10.
- iii. Memperkasakan Pangkalan Data bagi kegunaan DGIS ATM dan Sistem Geospasial Medan untuk berfungsi sepenuhnya di medan tempur.
- iv. Mewujudkan *Spectral Library* daripada *Hyperspectral Imagery* dan *Radio Detection and Ranging (Radar)* untuk tujuan risikan di medan tempur.
- v. Mewujudkan Model Analitikal, Simulasi dan Toolkit bagi modul-modul utama aplikasi geospasial pertahanan.
- vi. Menambahbaikkan keupayaan Sistem Penentuan kedudukan Global (GPS) yang digunakan oleh ATM melalui pengintegrasian dengan prasarana *Malaysian Real Time Kinematic GPS Network (MyRTKnet)*.

Memberi Bantuan Khidmat Geospasial Pertahanan Kepada ATM

Projek *Defence Geographic Information System*

Projek ini bertujuan menghasilkan Pelan Induk program *uGEO for Defence* untuk pelaksanaan aktiviti yang dirancang dalam RMK 10. Selain itu ianya juga bertujuan membangunkan DGIS secara *Enterprise* untuk perkongsian data dan aplikasi geospasial dalam persekitaran *Network Centric Operation (NCO)* dengan kos RM2,899,757.00. Ianya juga merupakan salah satu daripada Perancangan Strategik BGSP bagi mewujudkan sistem DGIS yang boleh beroperasi sepenuhnya di peringkat Markas Formasi dan Briged di semua perkhidmatan ATM di masa hadapan. Bagi tahun 2010 pula, sebanyak RM 1,899,857 telah dibelanjakan. Selain daripada itu, perolehan perkakasan *Information Communication and Technology (ICT)* dan Non ICT tambahan juga dilaksanakan bagi menyokong Sistem DGIS iaitu sebanyak RM 92,380.00. Bagi komponen *User Requirement of Enterprise DGIS*, terdapat dua (2) sub komponen iaitu *Deliverable One - User Requirement Acceptance* dan *Deliverable Two - BGSP DGIS System Design* iaitu:

- i. *Deliverable One - User Requirement Acceptance* adalah dokumentasi keperluan pengguna yang lengkap dan menyeluruh terhadap semua keperluan maklumat dan servis geospasial pertahanan oleh ATM. Dokumentasi bagi *Deliverable One* adalah *Enterprise DGIS Executive Summary*, *Concept of Employment (CONEMP) for uGEO for Defence* dan *User Requirement Document*. Manakala *BGSP DGIS System Design* pula adalah satu rekabentuk sistem yang lengkap dan menyeluruh di dalam menyampaikan maklumat dan servis geospasial pertahanan secara bersepadu kepada ATM.
- ii. Dokumentasi *Deliverable Two* adalah *Concept of Use (CONUSE)*, *Through Life Management Plan (TLMP)*, *Key Document for uGEO for Defence* dan *uGEO For Defence Enterprise Solution*.

Projek Pembangunan Maklumat Geospasial Pertahanan

Perolehan ini merangkumi empat (4) komponen utama iaitu Infrastruktur Fizikal Sistem Pembangunan Maklumat Geospasial Pertahanan, Defence Geospasial Information (DGI) Datasets Production, Training dan Dokumentasi dengan kos RM 1,823,000.00.

a) Infrastruktur Fizikal Sistem Pembangunan Maklumat Geospasial Pertahanan

Penyediaan Tapak (Site Preparation)

Penyediaan tapak di Tingkat 2, Bangunan CAMS. Pengubahsuaian Bangunan CAMS di Tingkat 2, dari 18 bilik dijadikan 26 bilik.

Delivery Equipment, Installation, Integration and Commissioning (existing and new equipment)

Melibatkan pembelian perkakasan baru, perisian baru ArcGIS dan senggaraan perisian ArcGIS sedia ada. Ini juga melibatkan perpindahan perkakasan dan perisian sedia ada di Tingkat 2, Bangunan Ukur ke Tingkat 2, Bangunan CAMS berserta instalasi, intergrasi dan pentauliahahan bersama perkakasan dan perisian baru dan mewujudkan persekitaran pangkalan data yang baru.

b) *Defence Geospasial Information (DGI) Datasets Production*

- *Vector Interim Terrain Data (VITD) data model*
- *VMAP Level 2 data models*
- *VITD datasets. (Kawasan pilihan)*
- *VMap Level datasets. (Kawasan pilihan)*
- *Topographic Line Map (TLM) – Hardcopy. (Kawasan pilihan)*
- *Common Operation Map – Hardcopy. (Kawasan pilihan)*

c) Training

- *Software Customisations*
- *Geospasial data generation, manipulation and integration and also introduction for PLTS Nautical Solution*
- *Software*
- *ArcGIS Desktop II: Tools and Functionality*
- *ArcGIS Desktop III: GIS Workflows and Analysis*
- *Data Production with Production Line Tool Set (PLTS)*
- *Data QC Using the PLTS GIS Data Reviewer*
- *Cartographic Production with PLTS Map Production Set (MPS) Atlas*
- *Introduction to PLTS Defence Solution*

d) Dokumentasi empat (4) salinan dalam bentuk *hardcover, hardcopy* dan *softcopy*

- *System administration*
- *System operating (Standard Operating Procedure)*
- *DGI dataset productions*
- *System hardware*
- *Database, backup and recovery*

Projek *Geospasial Mobile System*

Projek ini bertujuan untuk memberi bantuan khidmat geospasial kepada ATM di medan perang. Sistem ini mengambil kira keupayaan ATM untuk bertempur menghadapi musuh di dua medan pertempuran pada masa serentak. Ianya akan ditempatkan di barisan hadapan sebagai “pusat khidmat geospasial bergerak” kepada pasukan-pasukan yang terlibat secara langsung dalam pertempuran. Ia juga berkeupayaan untuk melaksanakan *field data generation* dan mengeluarkan pelbagai produk analisa geospasial yang berbentuk *Terrain Analysis* dan *Rapid Response*.



Khidmat Nasihat Teknikal kepada ATM

Melalui pemodenan sistem-sistem persenjataan dan pertahanan ATM , Bahagian ini sentiasa memberi khidmat nasihat teknikal dalam aspek data geospasial pertahanan bagi memastikan sistem-sistem tersebut beroperasi sepenuhnya.

Pencapaian prestasi tahun 2010 adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|--|----------|-----------------|
| Memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal kepada perolehan sistem-sistem pertahanan ATM berkenaan keperluan data geospasial pertahanan <ol style="list-style-type: none"> a) Sehingga <i>Final Acceptance Test (FAT)</i> <ul style="list-style-type: none"> · <i>Ground Navigation Equipment</i> · <i>Artillery Orientation & Fixation System</i> · <i>Artillery Saturation Rocket System</i> · <i>Combat Net Radio</i> · <i>Portable Ground Surveillance Radar</i> b) Sistem belum FAT (*dibawa ke tahun 2011) Pelaksanaan FAT bergantung kepada keputusan pasukan projek MINDEF <ul style="list-style-type: none"> · *Sistem Olah Perang Berkomputer · *<i>Joint Theatre Level Simulation System (JTLS)</i> · *<i>Air Combat Manouvering Instrument</i> · *<i>Sistem Command and Control (C2) Sentry TUDM</i> Nota: * Sistem belum FAT SKT 2010 | 9 Sistem | 5 Sistem (56%) |
| Menghebahkan status terkini data geospasial pertahanan dan proses instalasi kepada projek ATM <ol style="list-style-type: none"> a. <i>Artillery Saturation Rocket System.</i> b. <i>Combat Net Radio.</i> c. Sistem Pemerintahan, Pengawalan, Perisikan dan Perhubungan (P4) d. <i>Portable Ground Surveillance Radar.</i> | 4 Sistem | 4 Sistem (100%) |
| Taklimat Lawatan / Syarahan Keselamatan | 10 sesi | 10 Sesi (100%) |

Proses Penyediaan Data Geospasial Pertahanan

Bahagian ini melaksanakan proses pengimbasan dan "geocoding" terhadap data-data dari JUPEM dan Pusat Hidrografi Negara (Carta Hidrografi) bagi memastikan data geospasial dapat dimasukkan ke dalam sistem-sistem pertahanan dan persenjataan ATM bersesuaian dengan format dan keserasian sistem.



Pencapaian prestasi tahun 2010 adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|---|------------|-------------------|
| Mengimbas dan membuat geocoding terhadap Carta dan Peta | | |
| i. Peta Topografi Semenanjung Malaysia | | |
| a. Siri L 7030 (177 lembar) | 77 | 117 (152%) |
| b. Siri L 808 (45 lembar) | 20 | 45 (225%) |
| c. Siri L 905 (116 lembar) | 14 | 116 (829%) |
| ii. Peta Topografi Sabah Sarawak | | |
| a. Siri T 738 (278 lembar) | 278 | 273 (98%) |
| b. Siri T 931 (75 lembar) | 51 | 14 (27%) |
| iii. Carta JOG <i>Air & Ground</i> | 56 | 88 (157%) |
| iv. Carta Hidrografi (80 lembar) | 59 | 80 (136%) |
| JUMLAH | 555 | 793 (142%) |

Memperluaskan Pangkalan Data Geospasial Pertahanan

Bahagian ini memperluaskan data geospasial sedia ada melalui permohonan dan perbincangan dengan agensi luar untuk memenuhi keperluan pihak ATM.

Pencapaian prestasi tahun 2010 adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|---|-----------|-------------------|
| Mendapatkan carta JOG (<i>Joint Operation Graphic</i>) terkini melalui perjanjian pertukaran peta Malaysia - UK | 10 Lembar | 31 Lembar (310 %) |
| Mengemaskinikan pangkalan data VMAP dan VITD berdasarkan data input keluaran agensi-agensi seperti berikut : | | |
| a. TNB - Menara Talian Transmisi TNB jenis: | - | 11% |
| i. 132 KV | | |
| ii. 275 KV | | |
| iii. 500 KV | | |

Produk Geospatial Pertahanan Untuk Kegunaan ATM

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk mengeluarkan produk-produk bagi kegunaan ketiga-tiga perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) seperti Peta Operasi Bersama dan Peta Lapang Sasar.

Pencapaian prestasi tahun 2010 adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|--|------------|----------------------------------|
| Mengeluarkan Peta Lapang Sasar a. <i>Provisional.</i> - Gemas - Ulu Tiram - Terendak | 3 | 2 (67%) (Gemas dan Ulu Tiram) |
| Pembesaran Peta untuk Markas Formasi (Bergantung kepada permohonan) | 250 Lembar | 136 Lembar (54%) |

PENGUATKUASAAN PEKELILING ARAHAN KESELAMATAN TERHADAP DOKUMEN GEOSPATIAL TERPERINGKAT

Permohonan Permit Penggambaran Pemetaan/Udara dan Permit Aktiviti Pengutipan Data di Lapangan

Jumlah permit yang telah dikeluarkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 83 yang melibatkan permit penggambaran udara (63 permit) dan permit pemetaan udara (20 permit). Jumlah hasil kutipan pengeluaran permit adalah RM 8,800.00. Sebanyak 304 hari penerbangan telah dipantau oleh Bahagian ini.

Semua permit yang telah dikeluarkan adalah bergantung kepada permohonan yang diterima daripada syarikat dan individu.

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|---|---------------|---------------------|
| Tapisan Keselamatan terhadap permohonan penggambaran udara | 80 Permohonan | 63 Permohonan (79%) |
| Pengeluaran Permit penggambaran udara | 80 Permit | 63 Permit (79%) |
| Semakan terhadap citraan penggambaran udara | 80 Citraan | 63 Citraan (79%) |
| Tapisan Keselamatan terhadap permohonan pemetaan udara | 30 Permohonan | 20 Permohonan (67%) |
| Pengeluaran Permit pemetaan udara | 30 Permit | 20 Permit (67%) |
| Semakan terhadap data pemetaan udara | 30 Citraan | 15 Citraan (50%) |
| Tapisan Keselamatan terhadap permohonan kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Permohonan | 15 Permohonan (75%) |
| Pengeluaran Permit kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Permit | 15 Permit (75%) |
| Pemantauan terhadap kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Aktiviti | 15 Aktiviti (75%) |
| Semakan terhadap data dari kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Data | 13 Data (65%) |
| Pemantauan penggambaran / pemetaan udara | 190 Hari | 304 Hari (160%) |

Tapisan Keselamatan Ke Atas Dokumen Geospasial Terperingkat

Tapisan keselamatan yang telah dilaksanakan ke atas agensi-agensinya yang terbabit adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|---|---------------|-----------------------|
| Tapisan keselamatan terhadap permohonan dokumen geospasial terperingkat daripada agensi awam dan swasta | 80 Permohonan | 118 Permohonan (148%) |
| Tapisan keselamatan data JUPEM kepada agensi awam dan swasta | 400 Citraan | 610 Citraan (153%) |
| Semakan pruf data geospasial yang dikeluarkan oleh agensi awam dan swasta | 15 Pruf | 24 Pruf (160%) |
| Semakan pruf data geospasial yang dikeluarkan oleh DPNM | 150 Pruf | 198 Pruf (132%) |
| Perlaksanaan <i>Radio Frequency ID</i> ke atas Peta TERHAD (Awam dan Tentera) | 2000 Peta | 1042 Peta (52%) |

Pemantauan Terhadap Agensi Yang Terlibat Dalam Penyimpanan Dokumen Geospasial Terperingkat

Pemantauan terhadap agensi awam dan swasta yang menyimpan Dokumen Geospasial Terperingkat serta pelaksanaan semak stok dan pelupusan peta ATM ke atas Pusat Pembahagian Peta terpilih telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010.

| AKTIVITI | SKT 2010 | PENCAPAIAN |
|---|-----------|------------|
| Pemantauan terhadap agensi awam dan swasta yang menyimpan Dokumen Geospasial Terperingkat | 15 Agensi | 100% |
| Semak Stok dan pelupusan peta ATM | 15 Unit | 100% |





The background is a vibrant yellow with a complex, abstract design. It features a dense network of thin, dark lines that form a grid-like structure, reminiscent of a circuit board or a data network. Overlaid on this are several large, flowing, wavy shapes that create a sense of movement and depth. The overall aesthetic is modern and technological.

Perancangan **2011**

AKTIVITI**SASARAN 2011****INFRASTRUKTUR GEODETIK****SISTEM PENENTUDUDUKAN SEJAGAT**

| | |
|-------------------------------------|------------|
| i. Ukuran Jaringan dan Kawalan GNSS | 800 stesen |
|-------------------------------------|------------|

MyRTKnet (meliputi 78 buah stesen seluruh Malaysia)

| | |
|--|-------------------|
| i. Pengoperasian dan Penyelenggaraan Stesen MyRTKnet (50 stesen di Semenanjung Malaysia) | 100 kali |
| ii. Pengoperasian dan Penyelenggaraan Stesen MyRTKnet (14 stesen di Sabah diselia oleh Seksyen Topografi Sabah) | 28 kali |
| iii. Pengoperasian dan Penyelenggaraan Stesen MyRTKnet (14 stesen di Sabah diselia oleh Seksyen Topografi Sarawak) | 28 kali |
| iv. Pengurusan Data GPS Stesen MyRTKnet | 628, 617 jam data |
| v. Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Harian | 26, 192 set data |
| vi. Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Mingguan & Tahunan | 3, 732 set data |

CERAPAN AIR PASANG SURUT

| | |
|--|---------|
| i. Cerapan Air Pasang Surut Semenanjung (12 stesen dikendalikan oleh Seksyen Geodesi) | 144 set |
| ii. Cerapan Air Pasang Surut Sabah (6 stesen dikendalikan oleh Seksyen Topografi Sabah) | 72 set |
| iii. Cerapan Air Pasang Surut Sarawak (3 stesen dikendalikan oleh Seksyen Topografi Sarawak) | 36 set |
| iv. Penyediaan Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut | 1 buku |
| v. Penyediaan Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut | 1 buku |

JARINGAN UKUR ARAS

| | |
|-------------------------------------|---------------|
| i. Ukuran Aras Jitu | 650 stesen |
| ii. Ukuran Aras Kelas Kedua | 100 stesen |
| iii. Prosesan Data Ukuran Aras Jitu | 300 stesen |
| iv. Prosesan Data Ukuran Aras Kedua | 100 stesen |
| v. Dokumentasi Tanda Aras | 1, 500 stesen |

Ukuran Graviti

| | |
|----------------------------------|------------|
| i. Ukuran Graviti Tertib Pertama | 100 stesen |
| ii. Ukuran Graviti Tertib Ketiga | 500 stesen |

Astronomi

| | |
|--|-----------|
| i. Pengiraan Astronomi Rukyah dan Hilal | 29 stesen |
| ii. Cerapan Hilal di Balai Cerap Teluk Kemang Bagi Tujuan Kajian Semula Kriteria-kriteria Imkanur Rukyah | 9 kali |
| iii. Cerapan Kajian Cerahan Langit | 6 kali |

EHWAL PERSEMPADANAN

| | | |
|------|---|---------|
| i. | Ukuran Siasatan, Tanam Pastian dan Penyelenggaraan Bersama Antarabangsa Malaysia – Thailand | 25.7 km |
| ii. | Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sarawak) – Indonesia (Kalimantan Barat) (<i>Joint Visual Investigation Survey</i>) | 18.7 km |
| iii. | Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sabah) – Indonesia (Kalimantan Timur) (<i>Joint Visual Investigation Survey</i>) | 27.4 km |
| iv. | Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Brunei | 10.0 km |
| v. | Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-negeri (Terengganu – Kelantan / Kedah - Perlis) | 55.6 km |

PENERBITAN PETA

Penawanan Data

| | | |
|------|---|------------|
| i. | Fotografi Udara dan Cetak Lekap | 62 lembar |
| ii. | Pemilihan Titik Kawal | 62 lembar |
| iii. | Penyediaan Dataset Penyudahan Padang | 117 lembar |
| iv. | Penyediaan Peta Ortofoto | 114 lembar |
| v. | Penyediaan Data Ortorektifikasi Imej Satelit | 34 lembar |
| vi. | Penyediaan Data Bagi Pihak Angkatan Tentera Malaysia, Pengguna dan Lain-lain Jabatan / Agensi (mengikut permintaan) | 70 kerja |
| vii. | Penyediaan Peta Pulau – Pulau | 5 lembar |

Pangkalan Data

| | | |
|------|---|------------|
| i. | Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1 : 50000 | 134 lembar |
| ii. | Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1 : 25000 | 300 lembar |
| iii. | Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1 : 5000 & 1 : 10000 | 66 lembar |
| iv. | Pengemaskinian Dataset Bagi Pemetaan Ulangan Terhad | 65 lembar |
| v. | Migrasi Data Skema Lama ke Skema Baru Bagi menyediakan data <i>seamless</i> | 127 lembar |

Kartografi

| | | |
|------|--|---|
| i. | Penyediaan Pruf Semak Peta Topografi Pelbagai Siri | 340 lembar |
| ii. | Penyediaan Data Cetak Peta Topografi Pelbagai Siri | 320 lembar |
| iii. | Penyediaan Pruf Semak Peta Tematik Pelbagai Siri | 50 lembar |
| iv. | Penyediaan Data Cetak Peta Tematik Pelbagai Siri | 50 lembar |
| v. | Cetak Ulang | 18 lembar |
| vi. | Penerbitan Peta Elektronik | 25 lembar |
| vii. | Penerbitan Webmap | Lembah Kelang, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah & Pulau Pinang |

Percetakan

| | | |
|------|---------------------|------------|
| i. | Aktiviti Pencetakan | |
| a. | Cetak Peta (lembar) | 400 lembar |
| b. | Cetak Bukan Peta | 150 |
| ii. | Aktiviti Pracetak | |
| a. | DTP (bil kerja) | 150 |
| b. | Pruf (keping) | 350 |
| c. | Plat (keping) | 2, 200 |
| iii. | Aktiviti Pascacetak | |
| a. | Penjilidan (unit) | 50, 000 |

PEMETAAN UTILITI

| | | |
|------|---|--|
| i. | Perolehan Data dan Maklumat Utiliti bagi kawasan Lembah Klang (Data dari TNB, Telekom Malaysia, IWK Gas Malaysia dan Syabas) | Data bagi kawasan Kuala Selangor, Sabak Bernam, Seremban & Nilai |
| ii. | Pengisian Data Utiliti Dari Agensi Kemudahan Awam ke dalam Pangkalan Data Utiliti Kebangsaan (PADU) (Data dari TNB, Telekom Malaysia, IWK, Gas Malaysia dan Syabas) | Data bagi kawasan Kuala Selangor, Sabak Benam, Seremban & Nilai |
| iii. | Penyediaan Peta Asas Skala 1:500 Bagi Melengkapkan PADU | 550 lembar |
| iv. | Pengesanan dan Pengukuran Bagi Tujuan Pengesahan Data Utiliti Bawah Tanah di Lapangan | 110 km |
| v. | Penerbitan Peta Utiliti | 37 lembar |

PERKHIDMATAN PEMETAAN

| | | |
|-------|--|----------|
| i. | Semakan Pruf (lembar) | 300 |
| ii. | Membuat Persediaan Mesyuarat (kali) | 14 |
| iii. | Memproses Permohonan Bahan Pemetaan, Lesen Hakcipta dan Permit Cetak Semula (permohonan) | 600 |
| iv. | Perkhidmatan Perpustakaan (perolehan peta, buku dll) (naskhah) | 8, 000 |
| v. | Pendokumentasian Koleksi Perpustakaan (jilid) | 2, 000 |
| vi. | Pengedaran Bahan Terbitan JUPEM (naskhah) | 18, 000 |
| vii. | Penerimaan Peta oleh Stor Pusat Peta (keping) | 300, 000 |
| viii. | Pembekalan Peta oleh Stor Pusat Peta (keping) | 200, 000 |

UKURAN KADASTER

| | |
|---|--------------|
| Ukuran Hak Milik Tanah | 54,700 lot |
| Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen | 131,600 lot |
| Semakan Kerja Ukur Hak Milik Strata (Peringkat 1) | 58,600 petak |
| Semakan Kerja Ukur Hak Milik Strata (Peringkat 2) | 74,800 petak |

GEOSPATIAL PERTAHANAN

Khidmat Nasihat Teknikal Kepada ATM

| | |
|--|----------|
| Memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal kepada perolehan sistem-sistem Pertahanan ATM berkenaan keperluan data geospasial pertahanan | 9 Sistem |
| a.Sistem belum FAT (*dibawa ke tahun 2011) Pelaksanaan FAT bergantung kepada keputusan tim projek MINDEF | |
| 1) *Sistem Olah Perang Berkomputer | |
| 2) * <i>Joint Theatre Level Simulation System (JTLS)</i> | |
| 3) * <i>Air Combat Manouvering Instrument</i> | |
| 4) * <i>Sistem Command and Control (C2) Sentry TUDM</i> | |
| 5) <i>Extended Air Defence Simulator (EADSIM)</i> | |
| 6) Mortar 120MM 2R2M | |
| 7) Sistem Peperangan Elektronik Strategik | |
| 8) Projek Eurocopter (Penggantian NURI) | |
| 9) Projek <i>Armoured Personnel Carrier (APC)</i> (8 x 8) | |
| Nota: * Sistem belum FAT SKT 2010 | |
| Menghebahkan status terkini data geospasial pertahanan dan proses instalasi kepada projek ATM | 7 Sistem |
| 1) <i>Artillery Saturation Rocket System.</i> | |
| 2) <i>Combat Net Radio.</i> | |
| 3) Sistem Pemerintahan, Pengawalan, Perisikan dan Perhubungan (P4) | |
| 4) <i>Portable Ground Surveillance Radar.</i> | |
| 5) <i>Ground Navigation Equipment (GNE)'</i> | |
| 6) <i>Multi Launch Rocket System (JERNAS)'</i> | |
| 7) <i>Artillery Hunting Radar (ARTHUR)'</i> | |
| Taklimat Lawatan / Syarahan Keselamatan | 10 Sesi |
| Penglibatan GSMS dalam operasi dan latihan ATM | 2 kali |
| Mesyuarat <i>Military Mapping Committee</i> | 1 kali |
| Integrasi Prototaip <i>uGeo for Defence</i> dengan Sistem P4 dan NCO | 2 kali |

Proses Penyediaan Data Geospasial Pertahanan

Mengimbas dan membuat geocoding terhadap Carta dan Peta

| | | |
|------|---|-----------|
| i. | Peta Topografi Sabah dan Sarawak | 5 Lembar |
| | a. Siri T 738 | 61 Lembar |
| | b. Siri T 931 | |
| ii. | Carta <i>Joint Operation Graphic - Ground & Air</i> | 23 Lembar |
| iii. | Carta ONC | 2 Lembar |
| vi. | Carta TPC | 5 Lembar |
| v. | Carta Dunia | 1 Lembar |

Penyiapan Data Asas Vektor Geospasial Pertahanan kawasan Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak

| | | |
|-----|--|---------------|
| i. | VITD | 1 geodatabase |
| ii. | VMAP Level 2 (Katalog Rujukan Produk Geospasial Pertahanan Versi 1.0) | 1 geodatabase |

Memperluaskan Pangkalan Data Geospasial Pertahanan

| | |
|---|--|
| Mendapatkan carta dan peta terkini melalui perjanjian pertukaran | |
| i. Peta Malaysia – UK | 2 perolehan |
| ii. Peta Malaysia – Australia | 2 perolehan |
| Nota: Bergantung kepada data terkini sedia ada | |
| Mengemaskinikan pangkalan data VMAP dan VITD berdasarkan data input keluaran agensi-agensi seperti berikut : | |
| a. TNB - Menara Talian Transmisi TNB jenis: | 89% |
| i. 132 KV | |
| ii. 275 KV | |
| iii. 500 KV | |
| b. Jabatan Perhutanan | 100% |
| c. Telekom | 100% |
| d. Jabatan Pertanian | 100% |
| e. Jabatan Perancang Bandar dan Desa | 100% |
| f. Jabatan Pengairan dan Saliran | 100% |
| g. Jabatan Kerja Raya | 100% |
| h. Jabatan Perangkaan | 100% |
| i. Jabatan Mineral dan Geosains | 100% |
| j. Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara | 100% |
| k. Rejimen Askar Jurutera DiRaja | 100% |
| Mengemaskinikan data <i>attribute</i> VITD dan VMAP dilapangan khusus untuk layer seperti berikut: | Johor dan Kawasan Ops Pasir |
| i. <i>Drainage</i> | |
| ii. <i>Transportation</i> | |
| iii. <i>Vegetation</i> | |
| Mengintegrasikan maklumat <i>National Digital Cadastral Database (NDCDB)</i> ke dalam Pangkalan Data Maklumat Geospasial Pertahanan | Prototaip Kawasan Selatan Semenanjung Malaysia |

Produk geospasial Pertahanan untuk Kegunaan ATM

| | |
|---|-------------------------|
| Mengeluarkan Peta Lapangasar | 6 |
| i. <i>Final</i> . | |
| - Gurun | |
| - Sempadi | |
| - Kota Belud | |
| - Gemas | |
| - Terendak | |
| - Ulu Tiram | |
| Mengeluarkan prototaip produk geospasial pertahanan | |
| i. <i>Facility Map</i> dan <i>Imagery Map</i> | 5 Kem Kawasan Ops Pasir |
| ii. <i>Topographic Line Map</i> dan Peta Operasi Bersama | Johor Kawasan Ops Pasir |
| Pembesaran Peta untuk Markas Formasi (bergantung kepada permohonan) | 140 Lembar |

Permohonan Permit Penggambaran dan Pemetaan Udara

| | |
|---|---------------|
| Tapisan Keselamatan terhadap permohonan penggambaran udara | 80 Permohonan |
| Pengeluaran Permit penggambaran udara | 80 Permit |
| Semakan terhadap citraan penggambaran udara | 80 Citraan |
| Tapisan Keselamatan terhadap permohonan pemetaan udara | 30 Permohonan |
| Pengeluaran Permit pemetaan udara | 30 Permit |
| Semakan terhadap data pemetaan udara | 30 Citraan |
| Tapisan Keselamatan terhadap permohonan kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Permohonan |
| Pengeluaran Permit kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Permit |
| Pemantauan terhadap kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Aktiviti |
| Semakan terhadap data dari kerja-kerja pengutipan data di lapangan | 20 Data |
| Pemantauan penggambaran / pemetaan udara | 250 Hari |

Tapisan Keselamatan keatas Dokumen Geospasial Terperingkat

| | |
|---|----------------|
| Tapisan keselamatan terhadap permohonan dokumen geospasial terperingkat daripada agensi awam dan swasta | 100 Permohonan |
| Tapisan keselamatan data JUPEM kepada agensi awam dan swasta | 500 Citraan |
| Semakan pruf data geospasial yang dikeluarkan oleh agensi awam dan swasta | 20 Pruf |
| Semakan pruf data geospasial yang dikeluarkan oleh DPNM | 150 Pruf |
| Perlaksanaan Radio Frequency ID ke atas Peta TERHAD (Awam dan Tentera) | 15000 Peta |

Pemantauan Terhadap Agensi Yang Terlibat Dalam Penyimpanan Dokumen Geospasial Terperingkat

| | |
|---|-----------|
| Pemantauan terhadap agensi awam dan swasta yang menyimpan Dokumen Geospasial Terperingkat | 15 Agensi |
| Semak Stok dan pelupusan peta ATM | 15 Unit |

Pembangunan Modal Insan

| | |
|---|----------|
| Melatih pegawai, LLP dan staf awam berkaitan kepakaran dalam bidang geospasial seperti berikut: | |
| i. Hari Pengajian | 1 kali |
| ii. Bengkel | 1 kali |
| iii. Latihan | 3 kali |
| Menghantar pegawai, LLP dan staf awam menghadiri kursus, seminar, bengkel serta kursus jangka pendek / panjang berkaitan kepakaran dalam bidang geospasial seperti berikut: | |
| i. Pegawai serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 23 calon |
| ii. LLP dan Kumpulan Sokongan | 35 calon |
| Menghantar pegawai dan LLP menghadiri kursus kerjaya/perkhidmatan seperti berikut: | |
| i. Pegawai | 3 calon |
| ii. LLP | 5 calon |
| Menghantar Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan menghadiri kursus (minimum 7 hari) | |
| i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 6 calon |
| ii. Kumpulan Sokongan | 15 calon |






Laporan **Kewangan**

Pengurusan Kewangan

JUPEM telah menerima peruntukan kewangan sebanyak RM 245,999,400.00 bagi tahun 2010 di mana sebanyak RM 220,353,440.00 juta adalah bagi belanja mengurus, manakala baki sebanyak RM 25,645,960.00 juta adalah di bawah peruntukan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan sebanyak RM 219,164,637.15 juta daripada peruntukan belanja mengurus telah dilaksanakan, sementara perbelanjaan di bawah peruntukan pembangunan adalah sebanyak RM 25,260,310.30.

Pencapaian Kewangan Tahun 2010



| | SEDIA ADA | ONE-OFF | PEMBANGUNAN |
|--------------|----------------|------------|---------------|
| PERUNTUKAN | 219,741,340.00 | 612,100.00 | 25,645,960.00 |
| PERBELANJAAN | 218,568,609.53 | 596,027.62 | 25,260,310.30 |


Perincian Agihan Peruntukan Dan Perbelanjaan Keseluruhan

| AGIHAN PERUNTUKAN | PERUNTUKAN RM | PERBELANJAAN | |
|---------------------------|-----------------------|-----------------------|--------------|
| | | RM | (%) |
| SEDIA ADA | 219,741,340.00 | 218,568,609.53 | 99.47 |
| ONE-OFF | 612,100.00 | 596,027.62 | 97.37 |
| PEMBANGUNAN | 25,645,960.00 | 25,260,310.30 | 98.50 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 245,999,400.00 | 244,424,947.45 | 99.36 |

Belanja Mengurus

Perbandingan belanjawan menunjukkan pencapaian peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh lima tahun. Bagi tahun 2010 adalah sebanyak 99.46%, tahun 2009 adalah sebanyak 98.88%, tahun 2008 sebanyak 98.52%, tahun 2007 sebanyak 96.49% manakala sebanyak 92.32% bagi tahun 2006.

Carta menunjukkan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh lima tahun:



| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| PERUNTUKAN | 173,022,640.00 | 210,228,300.00 | 228,167,886.00 | 219,684,770.00 | 220,353,440.00 |
| PERBELANJAAN | 159,918,897.37 | 202,841,134.10 | 224,784,194.73 | 217,090,016.58 | 219,164,637.15 |

Perincian Pencapaian Peruntukan Belanja Mengurus

SEDIA ADA

| OBJEK AM | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN | |
|----------------------------|-----------------------|-----------------------|--------------|
| | | (RM) | (%) |
| EMOLUMEN | 153,139,340.00 | 153,047,554.07 | 99.94 |
| PERKHIDMATAN & BEKALAN | 65,320,310.00 | 64,274,370.36 | 98.40 |
| ASET | 653,900.00 | 622,372.10 | 95.18 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | 28,000.00 | 26,000.00 | 92.86 |
| PERBELANJAAN LAIN | 599,790.00 | 598,323.00 | 99.76 |
| JUMLAH | 219,741,340.00 | 218,568,609.53 | 99.47 |

ONE-OFF

| OBJEK AM | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN | |
|----------------------------|-------------------|-------------------|--------------|
| | | (RM) | (%) |
| EMOLUMEN | - | - | - |
| PERKHIDMATAN & BEKALAN | 390,000.00 | 375,801.32 | 96.36 |
| ASET | 222,100.00 | 220,226.30 | 99.16 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | - | - | - |
| PERBELANJAAN LAIN | - | - | - |
| JUMLAH | 612,100.00 | 596,027.62 | 97.37 |


Pencapaian Keseluruhan Peruntukan Aktiviti Belanja Mengurus

| AKTIVITI | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN | |
|---------------------------|-----------------------|-----------------------|--------------|
| | | (RM) | (%) |
| SEDIA ADA | 219,741,340.00 | 218,568,609.53 | 99.47 |
| ONE-OFF | 612,100.00 | 596,027.62 | 97.37 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 220,353,440.00 | 219,164,637.15 | 99.46 |

Belanja Pembangunan

Perbandingan pencapaian belanjawan bagi tempoh lima tahun menunjukkan bahawa perbelanjaan bagi peruntukan belanja pembangunan bagi tahun 2010 adalah sebanyak 98.50%, tahun 2009 sebanyak 99.03%, tahun 2008 sebanyak 99.19%, tahun 2007 sebanyak 99.33% manakala sebanyak 79.15% bagi tahun 2006.

| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|--------------|---------------|----------------|----------------|---------------|---------------|
| PERUNTUKAN | 36,848,460.00 | 229,870,020.00 | 115,999,020.00 | 57,780,860.00 | 25,645,960.00 |
| PERBELANJAAN | 29,167,152.22 | 228,337,322.07 | 115,054,149.30 | 56,974,372.13 | 25,260,310.30 |



Perincian Pencapaian Peruntukan Pembangunan

JUPEM telah memperuntukkan sebanyak RM 25,645,960.00 juta di bawah perbelanjaan pembangunan bagi menjayakan projek-projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia ke-9. Berikut merupakan projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan dalam tahun 2010.

| BUTIRAN / NAMA PROJEK | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN | |
|--|----------------------|----------------------|--------------|
| | | (RM) | (%) |
| Sistem Pangkalan Data Geodetik (SPDG) | 220,010.00 | 220,000.00 | 100 |
| Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyenggaraan sempadan Antarabangsa | 8,833,240.00 | 8,818,503.97 | 99.83 |
| Projek Fotografi Udara Seluruh Sabah & Sarawak dan Sistem Kawalan GPS | 7,216,000.00 | 7,173,106.34 | 99.40 |
| Pewujudan Sistem Pemetaan Utiliti | 150,100.00 | 140,930.00 | 93.89 |
| Membina Bangunan Baru Pejabat JUPEM-Tanah | 1,297,010.00 | 988,729.03 | 76.23 |
| Pewujudan Sistem Generalisasi Pangkalan Data Pemetaan | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 100 |
| Perolehan Mesin Cetak Ofset Berserta Peralatan Sokongan | 302,100.00 | 301,990.00 | 99.96 |
| Peningkatan <i>Local Area Network</i> (LAN) Dan <i>Wide Area Network</i> (WAN) JUPEM | 306,500.00 | 304,775.97 | 99.44 |
| Perolehan <i>Defence Geographic System</i> (DGIS) | 2,000,000.00 | 1,992,237.00 | 99.61 |
| Perolehan Sistem Pembangunan Maklumat Geospasial Pertahanan | 1,823,000.00 | 1,823,000.00 | 100 |
| Perolehan Sistem Geospasial Medan | 2,498,000.00 | 2,497,997.20 | 100 |
| JUMLAH | 25,645,960.00 | 25,261,269.51 | 98.50 |

Hasil

Hasil-hasil utama yang dipungut oleh JUPEM merupakan dari kategori Hasil Bukan Cukai. Jumlah keseluruhan hasil bagi tahun 2010 ialah sebanyak RM 2,895,454.70 di mana ia merupakan hasil yang dipungut manakala pengecualian kutipan hasil adalah sebanyak RM 13,412,596.46. Antara hasil yang dipungut termasuklah daripada jualan:

- i. Peta / Pelan Akui / Lembar Piawai;
- ii. Fotografi udara; dan
- iii. Data-data Geodesi dan Astronomi.

Pencapaian Kutipan Hasil Ibu Pejabat JUPEM


| BUTIRAN | DIPUNGUT (RM) | PENGECEUALIAN KUTIPAN HASIL (RM) | JUMLAH (RM) |
|------------------------------|---------------------|-------------------------------------|----------------------|
| Geodesi | 241,177.00 | - | 241,177.00 |
| Perkhidmatan Pemetaan | 2,145,065.46 | 13,412,596.46 | 15,557,661.92 |
| Pentadbiran dan Perkhidmatan | 509,212.24 | - | 509,212.24 |
| JUMLAH | 2,895,454.70 | 13,412,596.46 | 16,308,051.16 |

Pencapaian Kutipan Hasil JUPEM Negeri

| BUTIRAN | DIPUNGUT (RM) | PENGECUALIAN KUTIPAN HASIL (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----------------------------|---------------------|---------------------------------|---------------------|
| Perak | 497,573.46 | - | 497,573.46 |
| W.P. Kuala Lumpur/Putrajaya | 172,708.60 | - | 172,708.60 |
| Pahang | 337,593.89 | - | 337,593.89 |
| Selangor | 196,826.50 | - | 196,826.50 |
| Kelantan | 218,540.81 | - | 218,540.81 |
| Johor | 878,526.00 | - | 878,526.00 |
| Negeri Sembilan | 539,077.61 | - | 539,077.61 |
| Terengganu | 120,556.04 | - | 120,556.04 |
| Pulau Pinang | 219,453.72 | - | 219,453.72 |
| Topografi Sarawak | 27,299.00 | - | 27,299.00 |
| Melaka | 211,880.34 | 51,480.00 | 263,360.34 |
| W.P. Labuan | 56,549.47 | 19,025.87 | 75,575.34 |
| Perlis | 27,756.30 | - | 27,756.30 |
| JUMLAH | 3,504,341.74 | 70,505.87 | 3,574,847.61 |

Pencapaian Kutipan Hasil JUPEM Bagi Tempoh Lima Tahun

| TAHUN | DIPUNGUT (RM) | PENGECUALIAN KUTIPAN HASIL (RM) | JUMLAH (RM) |
|-------|---------------|---------------------------------|---------------|
| 2006 | 5,990,170.74 | 8,305,597.36 | 14,295,768.10 |
| 2007 | 12,149,179.94 | 4,130,555.74 | 16,279,735.68 |
| 2008 | 7,163,170.05 | 7,880,821.00 | 15,043,991.05 |
| 2009 | 6,521,596.88 | 10,395,655.72 | 16,917,252.60 |
| 2010 | 6,399,796.44 | 13,483,102.33 | 19,882,898.77 |





Inovasi & Pengiktirafan

ANUGERAH

Sepanjang tahun 2010, JUPEM telah menerima beberapa anugerah di atas pencapaiannya dalam pelbagai bidang. Antara pengiktirafan yang diperolehi JUPEM termasuklah yang berikut:

| KATEGORI | PERINGKAT | PENERIMA |
|--|--------------------------|--|
| Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan | Kebangsaan (Cemerlang) | JUPEM |
| Anugerah Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) | Kementerian (Ketiga) | JUPEM |
| Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) | Kementerian (Ketiga) | JUPEM |
| Sijil Amalan 5S | Jabatan (JUPEM) | JUPEM |
| Anugerah Penjimatan Tenaga Kategori Bil Utiliti | Kementerian (Ketiga) | JUPEM |
| Pelaksanaan Modul-modul HRMIS 2010 (sehingga Oktober 2010) | Kementerian (Cemerlang) | JUPEM |
| Anugerah Rekaan dan Hiasan Pameran Terbaik | Kementerian (Naib Johan) | JUPEM |
| Pertandingan Koir Inovasi Antara Agensi di bawah NRE | Kementerian (Naib Johan) | JUPEM |
| Pertandingan Senamrobik Antara Agensi di bawah NRE | Kementerian (Naib Johan) | JUPEM |
| Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) | Jabatan (Johan) | KUMPULAN PADU (Seksyen Pemetaan Utiliti) |

Pencapaian dan pengiktirafan sepanjang tahun 2010 merupakan manifestasi dan komitmen semua warga JUPEM kepada jabatan dan perkhidmatan awam.

JUPEM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja JUPEM di atas kerjasama dan penglibatan yang diberikan bagi membolehkan kejayaan jabatan ini dicapai. Kejayaan sepanjang tahun 2010 ini akan dapat mendorong dan mengalakkan lagi jabatan untuk mencatatkan kejayaan yang lebih memberangsangkan di masa hadapan.



RENTETAN PERISTIWA 2010

19 JANUARI 2010

Buat julung kalinya, perutusan Amanat KPUP bagi tahun 2010 telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia yang baru. Majlis Amanat ini telah diadakan bertempat di Dewan Ukur, Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur yang telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai Pengurusan Tertinggi, semua Pengarah Ukur Negeri, Ketua-ketua Seksyen, Pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JUPEM.



26 FEBRUARI 2010

80 orang kakitangan JUPEM telah menyertai perarakan dan perhimpunan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1431H/2010M. Bersama-sama lebih 106 kontijen lain, perarakan telah bermula dari Istana Kehakiman sehingga ke Dataran Putra. Ke Bawah DYMM. Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah telah berkenan menghadiri dan merasmikan majlis tersebut.



8 MAC 2010

Majlis pentauliahian projek *Height Modernization* Lembah Kelang antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan RB Capital Sdn Bhd telah diadakan bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Upacara menandatangani pentauliahian projek ini telah dilakukan oleh Y.Bhg. Dato' KPUP dengan wakil dari syarikat tersebut.



18 APRIL 2010

Perasmian Pejabat Ukur Daerah Kedah Utara yang terletak di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Mu'adzam Shah, Alor Setar, Kedah Darul Aman telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' KPUP. Sebelum ini, Pejabat JUD Alor Setar telah beroperasi di Bangunan Persekutuan di Alor Setar.



5-6 MEI 2010

Mini Konvensyen Sistem Persekitaran Berkualiti (5S) JUPEM telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Latihan 5S JUPEM bertempat di Dewan Ukur, JUPEM Kuala Lumpur. Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada fasilitator dan setiausaha 5S dari JUPEM negeri, Seksyen-seksyen dan Bahagian di Ibu Pejabat JUPEM telah menghadiri program tersebut. Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Sr Ahmad Fauzi bin Nordin telah merasmikan program ini.



28-29 JUN 2010

Persidangan dan Pameran GIS Kebangsaan kali ke-4 telah diadakan pada 28 dan 29 Jun 2010 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Program anjuran Kementerian Sumber Asli (NRE) ini turut disertai oleh JUPEM dengan mengadakan aktiviti pameran. YBhg Dato' KPUP juga telah membentangkan satu daripada tiga kertas kerja semasa sesi ucapan dengan tajuk 'Initiatives Towards Digital Malaysia'. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkasakan penggunaan maklumat geospasial di negara ini di agensi-agensi kerajaan.



28 JULAI 2010

Hasil kerjasama dan komitmen semua pegawai dan kakitangan, Ibu Pejabat JUPEM telah berjaya memperolehi Sijil Amalan 5S setelah lulus Audit Pematuhan Persijilan bagi Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) pada 28 Julai 2010 yang lalu. Sesi audit yang dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu mendapati JUPEM memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi persekitaran berkualiti.



27 SEPTEMBER 2010

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2009, JUPEM telah tersenarai di antara 4 jabatan kerajaan yang mencapai tahap cemerlang dalam prestasi pengurusan kewangan pada 2009. Di atas kecemerlangan ini, JUPEM telah mendapat pengiktirafan dengan memperolehi Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Tahun 2009. Majlis penyampaian sijil tersebut telah diadakan pada 27 September 2010 di Permaisuri Resort, Port Dickson Negeri Sembilan.



21 - 23 DISEMBER 2010

Mesyuarat ke 40 Jawatankuasa Teknikal Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia (Sabah dan Sarawak) dan Indonesia (Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat), (MIT ke 40 Malaysia - Indonesia) anjuran Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah diadakan pada 21 hingga 23 Disember 2010 bertempat di Hotel Renaissance Melaka. Delegasi Malaysia diwakili seramai 25 orang pegawai yang diketuai oleh YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Mesyuarat ini telah membincangkan agenda berkaitan dengan kemajuan pengukuran dan penandaan persempadanan antarabangsa Malaysia dan Indonesia bagi tahun 2010.



AKTIVITI PUSPANITA JUPEM 2010

2 APRIL 2010

Majlis ramah mesra bersama YBhg. Datin Normah binti Haji Mohamad Pengerusi PUSPANITA JUPEM telah diadakan bagi mengeratkan silaturrahim dikalangan ahli Puspanita JUPEM. Majlis turut diserikan dengan beberapa persembahan dari ahli-ahli PUSPANITA, diantaranya peragaan fesyen dan gubahan bunga.



21 MEI 2010

Buat julung kalinya satu pertandingan bowling telah diadakan di Wangsa Walk Bowling Centre. Pertandingan yang dirasmikan oleh Y.Bhg Datin Pengerusi itu disertai oleh 48 orang ahli dan acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi PUSPANITA JUPEM, Puan Alice@Noorlis binti Norbi.



3 - 6 JULAI 2010

Seramai 35 orang ahli diketuai oleh YBhg Datin Pengerusi PUSPANITA JUPEM telah melakukan lawatan sambil belajar ke Vietnam. Antara tempat yang dilawati adalah *Cuchin Tunnel*, *Cholon Chinatown* dan *Ben Thanh Market*. Ahli PUSPANITA JUPEM juga berkesempatan untuk beramah mesra dengan penduduk Islam Vietnam sambil menghulurkan bantuan kewangan kepada jemaah disana.



30 SEPTEMBER 2010

PUSPANITA JUPEM telah membuka gerai di Majlis Jamuan Hari Raya JUPEM. Gerai tersebut telah dihiasi dengan tema 'lambakan harta karun' yang menyediakan juadah seperti Laksa Penang dan Laksa Johor.



15 OKTOBER 2010

Sempena sambutan Ulang Tahun ke 125 JUPEM, Pengerusi PUSPANITA Cawangan NRE bersama-sama Pengerusi Agensi-agensi di bawah NRE telah mengadakan lawatan ke JUPEM bagi memeriahkan lagi majlis tersebut. Rombongan tersebut telah mengadakan lawatan seperti Galeri JUPEM, Seksyen Percetakan Peta dan pameran di Wisma JUPEM.



CORETAN KHAS SEKITAR SAMBUTAN ULANG TAHUN KE 125 JUPEM

PERASMIAN

Majlis Sambutan Ulang tahun ke 125 Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2010. YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Sambutan Ulang Tahun tersebut di Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur disamping melancarkan sistem e-Kadaster, setem korporat serta syiling peringatan bersempena sambutan itu.

Dalam ucapan perasmian oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, beliau menyatakan bahawa Kerajaan akan mewujudkan dasar dan perundangan yang khusus dan menyeluruh bagi menggalakkan serta memantapkan lagi penggunaan data geospasial dalam arus pembangunan negara. Undang-undang itu akan memberi tumpuan kepada kerahsiaan dan keselamatan data, prinsip-prinsip pemilikan data, perkongsian data, penyelarasan penyebaran data dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Kata beliau lagi, Akta ini perlu bagi mengoptimum potensi teknologi geospasial seperti Sistem Maklumat Geografi (*GIS-Geographic Information System*) dalam pembangunan negara. Dengan mewujudkan dasar dan perundangan yang khusus dan menyeluruh ia akan dapat membantu pembangunan infrastruktur GIS dan pembangunan modal insan bagi mendokong perkembangan teknologi GIS di negara kita.

Menurut beliau lagi, Sistem e-Kadaster yang dibangunkan oleh JUPEM merupakan antara sistem ukur tercanggih di dunia dan kini menjadi rujukan negara serantau. Sistem berkenaan berjaya memendekkan proses pengukuran dan penyediaan pelan hak milik tanah daripada dua tahun kepada dua bulan atau kurang. Beliau turut melahirkan harapan supaya sistem e-Kadaster akan menjadi projek ikon kepada JUPEM dan akan dapat menghasilkan impak yang besar kepada pembangunan negara serta untuk kesejahteraan rakyat. Projek e-Kadaster yang bernilai RM287 juta ini menggunakan teknologi ICT optimum dan merupakan proses kejuruteraan semula terhadap sistem ukur kadaster sedia ada. Ia menggunakan teknologi satelit dalam kerja ukuran, penggunaan kemudahan jalur lebar dan diintegrasikan dengan sistem eTanah.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas; Timbalannya, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup; Ketua Setiausaha NRE, YBhg. Dato' Zool Azha bin Yusof dan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Majlis Ulang Tahun ke 125 JUPEM ini turut diisi dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JUPEM 2010 bertempat di Dewan Ukur, JUPEM Kuala Lumpur.

Objektif konvensyen ini adalah untuk

- memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga JUPEM yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kumpulan KIK membuat persembahan dan seterusnya dapat memberi kebaikan dan menaikkan imej jabatan;
- membuka minda warga JUPEM bahawa kreativiti dan inovasi adalah teras kejayaan dalam pekerjaan dan menggalakkan warga JUPEM berfikir di luar kotak yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama;
- membuktikan dan memberi keyakinan kepada Perkhidmatan Awam bahawa KIK boleh dilaksanakan dalam sektor awam, khususnya di JUPEM;
- meyakinkan bahawa KIK dapat membantu Pengurusan JUPEM menyelesaikan masalah berkaitan dengan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan; dan
- mendapatkan maklumbalas mengenai masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan KIK dalam sektor awam, bagi tujuan untuk memperkemas lagi keberkesanan program KIK.

Yang Berusaha Sr Ahmad Fauzi bin Nordin, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia telah menyempurnakan majlis penutup program KIK 2010 peringkat JUPEM dan beliau turut menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta KIK tersebut. Pemenang adalah seperti berikut ;

| | | |
|------------|---|---|
| Johan | : | Kumpulan PADU (Seksyen Pemetaan Utiliti) |
| Naib Johan | : | Kumpulan CPDBU (Seksyen Penawanan Data) |
| Ketiga | : | Kumpulan EHSAN (JUPEM Kelantan) |

Pemenang telah menerima hadiah wang tunai, trofi dan sijil penyertaan. Pertandingan KIK ini menyaksikan penyertaan sebanyak 15 pasukan daripada JUPEM Ibu Pejabat dan juga JUPEM Negeri.





SEMINAR JURUUKUR


Seminar Juruukur telah diadakan bertujuan membincangkan perkara-perkara yang akan menentukan hala tuju baru ke arah perkhidmatan yang lebih berkesan.

Pembentang-pembentang kertas kerja telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menyampaikan pengalaman yang telah dilalui, perancangan dan hala tuju JUPEM kepada peserta-peserta yang hadir. Boleh dikatakan hampir keseluruhan pembentangan kertas kerja disampaikan oleh pihak JUPEM yang meliputi Isu-isu Persempadanan dan Pelantar Benua, *Malaysian Geodetic Infrastructures*, *Military Mapping*, Perancangan Strategik Kadaster dan Perancangan Strategik Pemetaan. Selain itu, panel-panel dari agensi luar juga turut menyampaikan kertas kerja masing-masing iaitu daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) - Tanggungjawab sebagai Penjawat Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) - Integriti Penjawat Awam dan Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) - *The JUPEM-PEJUTA Way Forward Collaboration: An Agenda On Art Innovation-Drien Enabling Environment*.

Seminar ini turut memberi peluang kepada semua Juruukur di JUPEM serta mereka yang terlibat dalam bidang geospasial untuk mengetahui perkembangan dan isu-isu terkini berkaitan pengurusan maklumat geospasial. Melalui seminar ini juga, jabatan secara tidak langsung mendapat input ke arah penambahbaikan produk-produk serta perkhidmatan JUPEM melalui sesi perbincangan dan dialog dengan peserta seminar.

PAMERAN

Sementara itu, sesi pameran juga turut diadakan di Tingkat 16 Wisma JUPEM dan di hadapan perkarangan bangunan CAMS. Sesi pameran menyaksikan penyertaan daripada syarikat-syarikat swasta yang memperlihatkan teknologi dan perisian yang terkini yang digunakan oleh JUPEM dan yang berada di pasaran.



PROMOSI DAN AKTIVITI LAIN

Sebelum sambutan ulangtahun tersebut, beberapa aktiviti promosi telah dijalankan melalui media cetak, elektronik dan di sekitar kompleks membeli-belah di Kuala Lumpur seperti kempen menderma darah, pertandingan Futsal dan penyiaran dokumentasi JUPEM 125 tahun di Rancangan PANORAMA.

JUPEM telah bekerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk menyiarkan tiga siri dokumentari JUPEM 125 tahun menerusi slot rancangan Panorama di TV1 bermula pada bulan Ogos sehingga bulan November 2010.

Sehubungan itu, YBhg. Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia telah ditemuramah oleh RTM pada 29 Julai 2010. Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I (TKPUP I), Sr Ahmad Fauzi bin Nordin telah ditemuramah bagi program *Hello On 2* (HOT) yang disiarkan secara langsung di TV2 pada 12 Oktober 2010.

Selain dari promosi melalui media cetak dan elektronik, JUPEM turut mempromosikan sambutan tersebut melalui KEMPEN DERMA DARAH 1JUPEM 1MALAYSIA yang telah diadakan pada 6 Oktober 2010 bertempat di Ruang Legar Pusat Beli-belah, Kompleks AEON AU2, Setiawangsa, Kuala Lumpur. Program ini merupakan anjuran JUPEM dengan kerjasama Pusat Derma Darah Negara, Kuala Lumpur dan AEON Setiawangsa Kuala Lumpur. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Brig. Jen. Dato' Pahlawan Mior Safian Bin Saidin, Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP), Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur.



Para penderma darah pada hari itu telah diberi Sijil Penghargaan Derma Darah sempena 125 tahun JUPEM, Sijil Penghargaan dari Pusat Derma Darah dan Sijil Log Book dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. JUPEM Labuan juga turut mengadakan kempen menderma darah pada tarikh tersebut bertempat di ruang legar Bangunan Ujana Kewangan Labuan bermula dari jam 9 pagi hingga 4 petang. Seramai 59 orang kakitangan jabatan telah menderma darah sempena kempen tersebut.



Pada 3 Julai 2010, satu Kejohanan Futsal bersempena sambutan 125 tahun JUPEM telah turut diadakan bertempat di S7 Futsal Stadium, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Sejumlah 24 pasukan dari Seksyen dan Bahagian di Ibu Pejabat dan dari JUPEM Negeri telah menyertai pertandingan futsal ini. Johan pertandingan Futsal ini telah dimenangi oleh pasukan JUPEM Negeri Sembilan yang menewaskan pasukan JUPEM Perlis 3 - 2 pada saingan akhir, manakala tempat ketiga dimenangi pasukan JUPEM Terengganu. Upacara penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Brig. Jen. Dato' Pahlawan Mior Safian bin Saidin, Pengarah BGSP.



“Klik-Petik” LENZA 125 TAHUN JUPEM



“Klik-Petik” LENZA 125 TAHUN JUPEM



Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Perlis
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan Kangar
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
PERLIS
Tel : 04-9772128
Faks : 04-9772131

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Kedah
1187 Jalan Raya
09000 Kulim
KEDAH
Tel : 04-4906166
Faks : 04-4904223

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang
Tingkat 39, Komtar
10000 PULAU PINANG
Tel : 04-2611762
Faks : 04-2835884

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
Greentown
30450 Ipoh
PERAK
Tel : 05-2417181
Faks : 05-2417151

Pengarah Ukur
W.P. Kuala Lumpur / Putrajaya
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya
Tingkat 3 & 4, Wisma JUPEM
Jalan Semarak
50578 KUALA LUMPUR
Tel : 03-26170600
Faks : 03-26938740

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor
Tingkat 16-02 dan 17, Plaza Masalam
NO. 2 Jalan Tengku Ampuan Zabedah E9/E
40578 Shah Alam
SELANGOR
Tel : 03-55132616
Faks : 03-55132613

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan
Tingkat 7 & 8, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban
NEGERI SEMBILAN
Tel : 06-7623882
Faks : 06-7620158

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Melaka
Jalan Taming Sari
75578 MELAKA
Tel : 06-2822844
Faks : 06-2847319

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Johor
Tingkat 7, 8 dan 9 Blok A, Wisma Persekutuan
Jalan Ayer Molek
80000 Johor Bahru
JOHOR
Tel : 07-2231224
Faks : 07-2238535

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Pahang
Jalan Tengku Muhamad
25050 Kuantan
PAHANG
Tel : 09-5668511
Faks : 09-5668503

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
Jalan Hospital
15000 Kota Bharu
KELANTAN
Tel : 09-7481588
Faks : 09-7443923

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu
Tingkat 7 & 8 Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20578 Kuala Terengganu
TERENGGANU
Tel : 09-6221144
Faks : 09-6237188

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Labuan
Tingkat 7, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 86
87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
Tel : 087-412068
Faks : 087-417401

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Bahagian Pemetaan
(Seksyen Topografi Sabah)
Blok B, Tingkat 3, Bangunan KWSP
Jalan Karamuning
88000 Kota Kinabalu
SABAH
Tel : 088-212836
Faks : 088-231243

Pengarah Ukur
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Bahagian Pemetaan
(Seksyen Topografi Sarawak)
Tingkat 7, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang 3
93578 Kuching
SARAWAK
Tel : 082-420763
Faks : 082-245420



REKABENTUK & CETAKAN JUPEM